

**PARLIMEN KESEMBILAN**  
*Ninth Parliament*  
**PENGGAL KEEMPAT**  
*Fourth Session*  
**MESYUARAT KEDUA**  
*Second Meeting*

---

**Jilid IV**  
**1998**

**Bil. 19**

**Hari Khamis**

**6 Ogos**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Ruangan )

**RANG UNDANG-UNDANG:**

- Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia 1998 (Ruangan )

## **AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M.,  
P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A.  
(Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K.,  
J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,  
Tan Sri Datuk Kasitah bin Gaddam, P.G.D.K., P.S.M., J.S.M. (Dilantik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- “ Dato' Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik -  
Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)

“ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)

Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)

“ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)

“ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)

“ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)

“ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)

“ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)

“ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)

“ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)

“ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)

“ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)

“ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)

“ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)

“ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)

“ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)

“ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)

“ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)

“ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)

“ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Naw, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)

“ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)

“ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)

“ Tuan S. Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)

" Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)

“ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)

“ Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)

Yang Berhormat Datuk Haji Sairin bin Karno (Sabah)

“ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)

“ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)

“ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)

“ Puan Tan Ah Eng (Johor)

“ Tuan Tan Ek Huat (Perak)

“ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)

“ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)

“ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)

“ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)

“ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)

“ To’ Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)

“ Datuk Yee Lung Fook Geoffrey (Dilantik)

“ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)

“ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)

“ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)

“ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

## **DEWAN NEGARA**

### **PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Negara	:	Abdullah bin Abdul Wahab
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha	:	Nor Hayatee binti Abdullah Haji Mustafa bin Abdul Rahman Ruhana binti Abdullah

### **CAWANGAN DOKUMENTASI**

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Hajah Supiah binti Dewak Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop  Mohamed bin Osman Norishah binti Mohd. Thani Shamsina binti Janor Ramlah binti Mohd. Yusuff Nora'ini binti Hetam Miskiah binti Hassan
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

### **CAWANGAN BENTARA**

Bentara Mesyuarat	:	Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh
-------------------	---	--

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Khamis, 6 Ogos 1998**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI**  
**PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**TANAMAN POKOK/LANDSKAP DI SEPANJANG**  
**LEBUH RAYA - TUJUAN UTAMA DAN**  
**KESELAMATAN KEPADA PARA PENGGUNA**

1. **Tuan Tan Ek Huat** minta Menteri Kerja Raya menyatakan tujuan utama pokok-pokok jenis balak ditanam sepanjang lebuhraya dan apakah jaminan yang boleh diberi oleh PLUS kepada pengguna lebuhraya tersebut supaya keselamatan mereka tidak terjejas.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Tuan Yong Khoo Seng]:** Tuan Yang di-Pertua, di bawah Perjanjian Konsesi Lebuhraya Utara-Selatan, PLUS Berhad dikehendaki mengikut garis panduan mengenai pembangunan landskap yang dikeluarkan oleh kerajaan dalam menjalankan aktiviti-aktiviti landskap.

Di sepanjang lebuhraya tersebut, Lebuhraya Utara-Selatan, menanam pokok jenis balak di sepanjang lebuhraya bukan sahaja bertujuan untuk melandskapkan tetapi untuk perhutanan semula kawasan di mana pokok asal telah pun ditebang semasa pembinaan lebuhraya dilakukan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PLUS Berhad sentiasa memastikan bahawa kawasan yang ditanam adalah sesuai dan dapat menampung pertumbuhan pokok. Pengawasan dilakukan setiap masa untuk menjamin keselesaan dan keselamatan pengguna.

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita lihat di sepanjang jalan lebuh raya itu cuma pokok jati atau 'teak' yang asalnya bukan dari negara kita iaitu dari negara jiran, adakah kementerian bercadang untuk menambah jenis atau spesies yang lain di negara kita iaitu buah-buahan seperti durian. Durian juga merupakan kayu yang boleh dibalok kerana dalam hutan juga ada kayu durian yang sama juga jenisnya dengan durian yang kita makan.

Apakah kementerian akan menasihatkan PLUS untuk menanam jenis pokok yang demikian?

**Tuan Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita telah pun menanam berjenis pokok-pokok sepertimana palm ada enam jenis pokok dan ada 27 jenis dan pokok-pokok rendah 13 jenis dan banyak jenis pokok yang telah ditanam mengikut keadaan kawasan di lebuh raya itu. Cadangan untuk menanam durian atau rambutan atau buah-buahan dari segi logistiknya menghadapi masalah kerana jika pokoknya telah mengeluarkan buah, barangkali ada juga orang yang akan pergi mengambil buah-buahan itu dan akan menjejaskan kawasan itu.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengetahui bagaimana Kementerian Kerja Raya mengendalikan usaha-usaha untuk membersihkan dan juga menjaga landskap di sekitar lebuh raya dan apakah dasar-dasar pemberian kontrak jika sekiranya kerja-kerja ini dijalankan secara kontrak, apakah dasar-dasar pemberian kontrak ini kepada syarikat-syarikat yang terlibat dan berapa buakkah syarikat yang terlibat?

Saya juga ingin bertanya bagaimana perjanjian pihak lebuh raya dengan PEMADAM, saya difahamkan bahawa bekas-bekas penagih dadah juga diberi peluang untuk terlibat sama dalam usaha-usaha membersihkan dan menjayakan landskap di sepanjang lebuh raya?

**Tuan Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, pihak PLUS telah pun diberi tugas untuk memastikan kebersihan di seluruh Lebuhraya Utara-Selatan dan kontrak-kontrak yang diberi adalah melalui apa yang dipanggil tender dan untuk

kerja-kerja bagi pihak PEMADAM, ini memang adalah satu tugas sosial yang kita arahkan PLUS melakukannya.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan ini ada juga disebut 'raya' iaitu jalan raya yang juga di bawah kelolaan Yang Berhormat Menteri Kerja Raya. Soalan saya, adakah kerajaan sedar selain daripada lebuhraya terdapat juga di jalan-jalan raya didapati ada pokok-pokok ditanam dan sealiran dengan jalan raya itu juga ada aliran perkhidmatan telefon dan juga elektrik dan adakah kemungkinan penanaman pokok-pokok di kiri kanan jalan raya itu boleh mengganggu perkhidmatan telefon dan juga perkhidmatan elektrik, apakah pandangan kerajaan terhadap perkara ini?

**Tuan Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, ada jalan raya yang dikendalikan oleh pihak berkuasa tempatan dan pihak kerajaan negeri tetapi pada dasarnya penanaman pokok-pokok di kedua-dua belah jalan memang mengikut keadaan. Kawasan ini tidak memastikan kita tanam pokok berhampiran tiang-tiang telefon dan lain-lain. Ianya sentiasa dikawal selia apabila pokok-pokok telah tumbuh dengan besar sehingga menjejaskan perkhidmatan lain maka ia akan di 'trim down', itu sahaja.

## **PUSAT KEMAHIRAN “GIAT MARA” - BIDANG LATIHAN**

2. **Tuan Long bin Jidin** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan kedudukan Pusat Kemahiran “Giat Mara” melatih pelbagai bidang kemahiran:

- (a) apakah bidang-bidang kemahiran yang dilatih dan jumlah pelatih yang dikeluarkan oleh Giat Mara sehingga hari ini; dan
- (b) kedudukan permintaan terhadap bekas pelatih dalam bidang pekerjaan dan peluang untuk melanjutkan pembelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Idris bin Jusoh]:**

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 25 bidang latihan kemahiran ditawarkan oleh Pusat Giat seluruh negara iaitu membaiki motosikal, teknologi automotif kenderaan komersial, membuat kusyen perabot dan kereta, fabrikasi logam, mengetuk dan



mengecat kereta, membuat perabot kayu, membuat barangan fibre glass, binaan batu-bata, binaan tukang kayu, binaan ubin, membuat perabot rotan, memasang paip domestik, pendawaian elektrik domestik, penyejuk bekuan dan penyaman udara, teknologi fabrik, membaiki radio dan TV, membaiki enjin bot, membaiki alat elektrik rumah, mekanik komputer, teknologi bangunan, percetakan, industrial maintenance, mekanik am, teknologi simen kraf dan membuat pakaian. Sehingga Jun 1998 seramai 54,713 pelatih telah menamatkan latihan di Pusat-pusat Giat Mara di seluruh negara.

Berdasarkan maklumat yang telah dikumpulkan oleh pengurusan Giat Mara lepasan pusat-pusat tersebut tidak banyak menghadapi masalah mendapatkan pekerjaan. Daripada 54,713 pelatih yang telah menamatkan pengajian seramai 37,936 sedang aktif di bidang pekerjaan masing-masing. Manakala bakinya 14,804 orang masih dalam peringkat susulan ekor pertukaran pekerjaan, bertukar alamat dan baru menamatkan latihan. Cadangan membukakan peluang kepada lepasan Pusat Giat Mara melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi sememangnya dalam perhatian dan tindakan pihak Mara. Jumlah lepasan pelatih yang melanjutkan pelajaran pula ialah seramai 1,973 orang.

**Tuan Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih, Tuan Yang di -Pertua. Soalan tambahan. Pertamanya saya merakamkan tahniah kepada pihak kementerian terhadap pengeluaran graduan daripada Giat Mara. Soalan tambahan saya kepada kementerian bahawa ada laporan diskriminasi oleh kontraktor luar negara yang membuat kerja-kerja dengan Petronas terutama sekali dalam bidang petrokimia khususnya di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Daripada 8,000 pekerja yang sedia menjalankan operasi di sepanjang daripada kawasan Paka ke Kuantan, Gebeng kita dapati tidak ramai lepasan Giat Mara kerana katanya kualiti yang dikeluarkan oleh Giat Mara tidak mengikut piawai yang dikehendaki oleh organisasi-organisasi antarabangsa yang diberi tanggungjawab oleh Petronas untuk melaksanakan kerja. Kita minta pandangan dan pendirian kerajaan dan kementerian.

**Dato' Idris bin Jusoh:** Kementerian dan juga pihak Giat Mara dari semasa ke semasa akan memastikan bahawa piawaian ataupun standard yang diberi

yang dilatih oleh Pusat Giat Mara itu selaras dengan standard-standard yang ada di tempat lain. Jika ada bersabit contoh-contoh yang spesifik, insya-Allah, kita akan selidik perkara itu dan kita akan ambil tindakan secara yang sewajarnya.

**Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ingin tahu adakah kesemua daerah di negara kita telah mewujudkan Pusat Giat Mara. Adakah Pusat Giat Mara ini bercadang untuk melanjutkan bidang-bidang perhotelan ataupun bidang-bidang pelancongan selain dari bidang yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Dato' Idris bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini telah wujud 128 Giat Mara di seluruh negara. Dari negeri Perlis hingga ke Sarawak semuanya ada sekarang ini. Dalam bidang perhotelan memang tidak ada Pusat Giat Mara untuk melatih pelatih-pelatih dalam bidang tersebut tetapi walau bagaimanapun kita sedang bergiat untuk membuka Giat Mara dalam bidang IT.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menjelaskan iaitu Giat Mara mempunyai 25 bidang latihan yang diberi kepada pelatih-pelatih yang sekarang ini berjumlah 54,713 pelatih. Saya ingin mendapat penjelasan sama ada kerajaan bercadang menjadikan Giat Mara ini satu agensi yang akan menguruskan pekerja-pekerja yang terlatih supaya boleh dibekal kepada kilang-kilang perusahaan yang sekarang ini banyak menghadapi masalah pekerja dan adakah Giat Mara sendiri bercadang untuk mengadakan jaringan kilang-kilang untuk menampung pelatih-pelatih yang keluar kerana tidak mempunyai modal dan kemampuan untuk menjalankan perusahaan sendiri?

**Dato' Idris bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya di samping membekalkan kilang-kilang dengan pelatih-pelatih Giat Mara untuk memenuhi peluang pekerjaan yang ada di kilang-kilang, Giat Mara juga bertujuan untuk melatih pelatih-pelatih Giat Mara itu untuk menjadi usahawan. Sebab itulah kebelakangan ini sudah ada satu program yang dikatakan 'Program Putek' yang melatih ciri-ciri keusahawanan kepada pelatih-pelatih Giat ini bukan sahaja diberi latihan tetapi juga diberi pinjaman kepada

mereka yang telah tamat latihan diberi modal supaya mereka boleh menjadi usahawan.

Sehingga kini 77 pelatih di bawah Program Putek telah dapat dilaksanakan dan program ini akan diteruskan supaya lebih ramai lagi pelatih-pelatih Giat boleh menjadi usahawan.

### **PEGAWAI/PEMBANTU LUAR PENERANGAN - JUMLAH DAN KEUPAYAAN**

3. **Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan** minta Menteri Penerangan menyatakan jumlah pegawai/pembantu luar penerangan di seluruh negara dan apakah benar dakwaan sesetengah pihak mengatakan kebanyakan penyandang jawatan di atas tidak mempunyai keupayaan yang sewajarnya seperti berceramah dan mewujudkan aktiviti yang boleh membantu membangunkan masyarakat.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat 587 jawatan kontrak di Cawangan Hal Ehwal Khas, Jabatan Penerangan dan sebanyak 517 jawatan telah diisi. Mereka ini dilantik berdasarkan kebolehan untuk menyampaikan penerangan melalui pendekatan komunikasi, mengenai dasar-dasar kerajaan serta membangunkan minda rakyat. Mereka juga mendapatkan reaksi daripada rakyat mengenai dasar-dasar dan program kerajaan. Hasil daripada kerja-kerja mereka hanya boleh dinilai melalui perubahan sikap di kalangan masyarakat golongan sasaran.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mendapat banyak rungutan daripada orang ramai terutamanya penduduk-penduduk di kawasan luar bandar iaitu mereka mengatakan peranan Kementerian Penerangan terutama dalam usaha memberi penjelasan kepada rakyat berhubung dengan dasar-dasar kerajaan amat tidak berkesan sekali. Perkara yang menyebabkan begitu kerana kebanyakan pegawai-pegawai penerangan luar sekarang ini adalah lebih terlibat dengan muslihat politik diri sendiri daripada menyampaikan dasar-dasar kerajaan. Ini kalau kita bandingkan dengan suatu masa dahulu memang Kementerian Penerangan memberi penerangan dengan cara yang amat berkesan tetapi sekarang ini perkara itu telah terbalik kerana walaupun rakyat

telah mendapat maklumat bukan menerusi Kementerian Penerangan tetapi melalui media yang ada sekarang ini.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan rakan saya mengenai dengan pandangan beliau bahawa kementerian gagal menyampaikan dasar-dasar kerajaan. Saya rasa perkara itu adalah tidak benar bahawa cara menyampaikan tentang dasar kerajaan ini disalurkan dengan pelbagai cara. Salah satu kaedahnya menggunakan pegawai-pegawai luar dan di samping itu juga kita menggunakan pendekatan untuk menyampaikan dasar kerajaan menerusi TV dan radio dan di samping itu juga kita mengedarkan pelbagai risalah dan melaksanakan kerjasama di antara jabatan-jabatan yang lain seperti pertanian, belia, sukan dan kebudayaan. Semata-mata dengan usaha itu kerjasama yang kita adakan dengan jabatan dan kementerian ini sedikit sebanyak kita dapat menyampaikan tentang dasar kerajaan.

Mungkin ada terdapat di antara mereka yang terlibat sedikit sebanyak dalam gelanggang politik di peringkat bahagian-bahagian. Perkara ini mungkin kita pun tidak dapat menafikan. Namun demikian kita tegaskan bahawa tanggungjawab mereka ialah menyampaikan sebahagian daripada penglibatan mereka dalam arena politik. Memang keutamaan kita tegaskan bahawa untuk menyampaikan dasar-dasar kerajaan bukan untuk merebut sebarang jawatan dan beberapa kali kita telah membuat keputusan supaya menggalakkan mereka untuk tidak melibatkan diri dalam keadaan-keadaan ini.

Namun demikian, oleh kerana kehendak rakyat di setengah-setengah bahagian kita tidak nafikan bahawa kebebasan dan sistem demokrasi tidak ada halangan untuk sistem secara politik di mana negara ini khususnya diperingkat pemilihan, contohnya UMNO diperingkat bahagian kita tidak menyekat mana-mana pihak, kecuali pegawai-pegawai yang bertaraf peringkat atasan seperti

pegawai pangkat A, itu ada sekatan harus mendapat kelulusan selain daripada pihak-pihak tertentu.

Namun dari peringkat bawah kita tidak ada sekatan tertentu mengenai dengan dasar untuk menyekat pegawai-pegawai ini terlibat tetapi terserahlah ke peringkat-peringkat akar umbi sama ada mereka ini perlu ditolak ataupun tidak, yang penting bagi kita kalau setakat ini kementerian berpuas hati dengan apa yang kita laksanakan tentang menyampaikan dasar-dasar kerajaan.

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan mengenai pegawai yang dilantik secara kontrak dan mengenai penyambungan kontrak pegawai-pegawai berkenaan. Apabila mereka ini bekerja dan difahamkan oleh pihak Setiausaha Parlimen bahawa mereka menjalankan kerja penerangan, mendapat reaksi dan sebagainya. Apa kata kalau ada di kalangan pekerja penerangan yang menjalankan kerja yang bertentangan dengan hasrat kepimpinan tempatan yang mendukung kepimpinan pusat di dalam usaha pembangunan dan juga penyatuan masyarakat? Terima kasih.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, mengenai dengan tanggungjawab pegawai-pegawai penerangan sama ada pengelola, penyelia, pegawai khas agama, pembantu luar kanan, pembantu luar, tanggungjawab cukup jelas di mana kita letakkan mereka untuk membantu kerajaan. Di samping itu juga, kita menerangkan, menegaskan supaya mereka memainkan peranan sebagai complementary role kepada badan-badan yang terdapat diperingkat daerah ataupun diperingkat kampung. Kalau sekiranya Yang Berhormat mendapati ada pihak-pihak di antara golongan kakitangan ini terlibat dalam keadaan-keadaan yang bercanggah dengan apa yang saya terangkan tadi sila kemukakan untuk kita mengambil tindakan-tindakan selanjutnya.

## **KENAIKAN HARGA BERAS – LANGKAH KEMENTERIAN UNTUK MENANGANI**

**4. Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany** minta Menteri Pertanian menyatakan bagaimana kerajaan bercadang menangani harga beras yang telah naik dengan begitu cepat kebelakangan ini. Setakat manakah pengeluaran beras negara dapat menampung penggunaan kita dan adakah kerajaan membuat perancangan untuk menggalakkan penanaman padi di negara ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah untuk menangani kenaikan harga beras Kementerian Pertanian dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah dan akan mengambil tindakan-tindakan berikut:

- (i) membekukan pengeluaran permit bagi pembelian padi di negeri Selangor dan Perak ke negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang mulai 2 Julai 1998.
- (ii) menghasilkan sekurang-kurangnya 35% daripada pengeluaran hasil padi ini atau beras super tempatan dan beras hancur 15%;
- (iii) kilang-kilang padi hendaklah beroperasi sekurang-kurangnya 10 jam pada hari kerja;
- (iv) menguatkuasa harga kawalan padi dan beras serta semua peraturan yang dibuat di bawahnya seperti laporan, pengeluaran harian dan laporan stok padi dan beras;
- (v) menambah import bagi gred sederhana atau yang setanding untuk meningkatkan pengeluaran beras, tempatan; dan
- (vi) mengawal harga beras gred super tempatan sekiranya langkah-langkah lain yang diambil didapati kurang berkesan atau untuk menstabilkan harga beras.

Setakat ini pengeluaran beras negara adalah setakat 70% manakala bakinya 30% diimport dari luar negeri. Kementerian Pertanian akan terus berusaha untuk menggalakkan menanam padi supaya sekurang-kurangnya 60% daripada keperluan beras negara akan dipenuhi menerusi pengeluaran tempatan menjelang tahun 2010. Sekian, terima kasih.

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah faktor yang menyebabkan negara kita tidak dapat mengeluarkan beras

secara lebih banyak lagi supaya kita tidak menghadapi masalah seperti apa yang kita hadapi sekarang. Pada hal keperluan beras kita di negara ini tentu sekali lebih daripada apa yang telah disebutkan tadi.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, satu daripada sebab mengapa kita tidak dapat membekalkan beras untuk keperluan negara dengan 100%, salah satunya ialah kos pengeluaran adalah terlalu tinggi di Malaysia dan dari segi ini kita import disebabkan harga import adalah lebih rendah dari Malaysia. Walau bagaimanapun, kita sedang berusaha untuk meningkatkan pengeluaran beras melalui peningkatan pengurusan yang berkesan dan juga menggunakan mutu padi yang baik dan seterusnya penggunaan baja yang setimpal. Dalam hal ini di negeri Sabah dan Sarawak kita sedang mencuba di kawasan sebelah Kuching, mungkin MARDI dan juga pihak BERNAS sedang mengusahakan buat permulaannya 100 hektar untuk menanam padi.

Di Pahang kita mengadakan tananam secara luas, iaitu ditanam lebih kurang 2,000 hektar padi. Sekian, terima kasih.

**Dato' Eng Hoi Choo:** Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini penanam-penaman padi di Selangor banyak membuat rungutan oleh kerana kementerian menyekat hasil padi mereka tidak dapat dijual luar daripada Selangor, dan mereka mendapat harga yang lebih murah. Saya ingin bertanya apakah sebabnya hasil mereka adalah dari Malaysia dan di mana-mana tempat di Malaysia mereka jual adalah munasabah tetapi mereka mendapat sekatan daripada kementerian dan ini merugikan mereka.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah dulunya kita benarkan beras di Selangor dan Perak dijual ke Kedah dan Perlis dan Pulau Pinang, tetapi memandangkan kilang-kilang padi di Selangor dan Perak tidak mendapat bekalan yang cukup maka itulah kita sekatkan penjualan padi ke utara. Setakat ini kita masih lagi ragu-ragu disebabkan harga, bila mereka jual padi di Kedah dan Perlis, sudah tentulah kos pengangkutan akan bertambah dengan lain perkataan harga beras akan bertambah disebabkan hendak cover kos pengangkutan tadi. Sebab itulah harga beras ditambah oleh mereka iaitu pengilang dan pihak pemborong. Disebabkan kesesakan yang tertentu, kita telah berbincang dengan pihak pemborong dan pengilang beras, kita telah adakan pada bulan November lepas dan mereka menyatakan kenaikan harga padi adalah setakat RM55 untuk 150

kilogram. Setakat itulah, kita tidak mahu harga terlalu tinggi dan pihak pengguna akan merasa beban. Sekian, terima kasih.

### **RADIO RTM - PENGGUNAAN BAHASA “ROJAK”**

5. **Puan Hajah Selemiah binti Hashim** minta Menteri Penerangan menyatakan memandangkan syarikat-syarikat televisyen swasta di negara ini diminta mematuhi dasar Kementerian Penerangan yang menetapkan setiap drama bahasa Melayu yang disiarkan mesti menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya dan bagaimana pula dengan DJ yang selalu menggunakan bahasa “Rojak” (mencampur aduk bahasa) semasa mengendalikan rancangan di stesyen-stesyen radio RTM.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd Shafie bin Haji Apdal]:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini sedar memang ada terdapat beberapa orang DJ yang masih mencampuradukkan penggunaan bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris. DJ-DJ ini sudah pun ditegur dan membetulkan persembahan mereka.

**Tuan N. Marimuthu:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, Ini bukan soalan tambahan mengenai bahasa Tamil tetapi bertanya, Negeri Sarawak dan Sabah tidak langsung mendapat siaran Radio 6 Bahasa Tamil dan penyiaran TV7 sedang menyiarkan empat buah filem Hindi, hanya sebuah filem drama Tamil dalam sebulan; satu buah filem drama Tamil, empat buah filem Hindi. Kami bukan melarang filem Hindi, tetapi bahasanya ini Hindi dan ini Tamil, pelakon-pelakon serupa.....[Ketawa] Saya minta, sila mempertimbangkan dua buah filem Hindi dan dua buah filem Tamil. Apakah tindakan yang diambil oleh kawan saya di Kementerian Penerangan?

**Datuk Mohd Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya soalan ini luar dari soalan asal. Kita bangkit soalan asal mengenai DJ dan ini dia bangkitkan mengenai filem Tamil dan Hindi, tetapi saya rasa perkara ini bolehlah dipertimbangkan oleh pihak kementerian kerana kita sering dalam saluran Rangkaian 2 khususnya, kita memberi penumpuan tentang suku kaum India, khususnya Tamil ini mendapat pertimbangan dari segi menyampaikan hiburan dan juga perkembangan negara kita, berita-berita dan lain-lain. Bukan hanya menerusi drama, perjuangan kita, kita ambil perhatian tentang kaum Tamil ini. Berita juga ada, berita Tamil ada, dan mungkin oleh kerana radio ini Radio 6, kita tidak



sampaikan di Sabah, mungkin di Sabah dan Sarawak ini tidak begitu banyak orang Tamil. Jadi walaupun ada tidak sebegitu banyak seperti apa yang berada di Semenanjung. Tetapi yang penting bagi kita ialah pendekatan kos. Kos adalah sebahagian daripada di mana stesen-stesen ini mengambil perhitungan dan perkiraan sebelum menyiarkan sesuatu rancangan, sasaran dan kos adalah sebahagian daripada pertimbangan kita. Kemungkinan itulah yang menjadi sebab yang mereka telah ambil langkah-langkah tersebut. Namun demikian cadangan Yang Berhormat kita ambil kira.

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang DJ. DJ ini selain dari bahasanya bahasa “rojak” dan keadaan mereka ini juga kadangkala amat membimbangkan kita. Ada kadang-kadang kita boleh takrifkan mereka ini sasau, ada setengahnya itu separuh daripada gila.

Baru-baru ini saya menonton satu siaran langsung Anugerah Video Klip, yang pengacaranya adalah 2 orang, seorang lelaki dan seorang perempuan. Yang perempuan itu amat menyedihkan saya, rambutnya tegak macam orang kena *current*, [ketawa] macam durian, tak tahulah, lepas itu baju dia sering terselak. Jadi ini bayaran tontonan, bila tontonan makna ada yang tua dan ada yang muda, ada yang kecil. Saya risau anak-anak kita yang macam di atas, mengikut rambut mereka tegak. Apa cikgu nak buat di sekolah kalau rambut murid-murid semua tegak mengikut DJ. Saya mengharapkan agar kementerian lebih peka dan mengambil satu peraturan. DJ-DJ yang jenis macam ini sudah, cukup sekali, lain kali jangan bawa lagi dalam majlis-majlis. Sekian, terima kasih.

**Datuk Mohd Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, sememangnya pihak kementerian mempunyai peraturan-peraturan tertentu. Etika dari segi pakaian dan juga dari segi penggunaan bahasa memang kita ada. Kadang-kadang terdapat di mana dalam siaran langsung dimana kita tidak dapat menghalang. Namun demikian kita mengambil pandangan daripada Yang Berhormat, insya-Allah kita akan ambil tindakan selanjutnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail

**Puan Tan Ah Eng:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No.6

**SISTEM KEMASUKAN PELAJAR KE INSTITUT  
PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA)- KAJI SEMULA**

6. **Puan Tan Ah Eng [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah kementerian bercadang menggunakan sistem baru agar kemasukan pelajar ke Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) tahun depan berjalan dengan licin ekoran baru-baru ini Unit Pusat Universiti (UPU) tidak berfungsi dengan baik dan kelam kabut.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.**

**Yunus]:** Tuan Yang di-Pertua, terdapat tiga soalan yang menyentuh isu masalah kemasukan pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi Awam baru-baru ini.

Soalan-soalan tersebut ialah daripada Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail pada hari ini dan Yang Berhormat Dato' Krishnan P. pada 10 dan 11 Ogos 1998. Oleh kerana itu, saya pohon agar ketiga-tiga soalan tersebut dijawab serentak.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan memang menyedari kesulitan yang dihadapi oleh para pelajar dan ibu bapa berikutan masalah-masalah yang timbul semasa proses permohonan pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi Awam baru-baru ini. Pihak kementerian telah mengenal pasti masalah-masalah tersebut, antaranya ialah:

- (i) pada tahun ini, sesi akademik 1998/1999, pihak Unit Pusat Universiti ataupun UPU tidak menghantar kad akuan penerimaan permohonan pelajar. Implikasinya, pelajar hanya mempunyai satu saluran sahaja untuk mengetahui status permohonan mereka iaitu melalui UPU Infoline sahaja; dan
- (ii) bilangan talian yang dibekalkan untuk talian UPU Infoline adalah terhad iaitu 120 talian sahaja. Ini menimbulkan kesesakan dalam penggunaannya. Masalah-masalah ini sangat ketara pada peringkat

awal kemudahan tersebut dibuka, apabila terlalu ramai pelajar membuat panggilan serentak.

Bagi mengatasi masalah-masalah tersebut, kementerian sedang mengadakan post-mortem, antara langkah-langkah yang dipertimbangkan ialah seperti berikut:

- (i) menggunakan semula prosedur lama iaitu menghantar kad akuan penerimaan permohonan kepada pelajar;
- (ii) memasukkan data kepada KPMnet, agar penyemakan permohonan boleh dibuat di Jabatan Pendidikan Negeri dan juga Pejabat Pendidikan Daerah;
- (iii) meluaskan sistem telefon yang boleh digunakan untuk membuat panggilan. Pada masa ini panggilan hanya boleh dibuat melalui telefon yang digunakan di rumah sahaja; dan
- (iv) borang permohonan diedarkan hanya selepas keputusan peperiksaan diumumkan.

Terima kasih.

#### **HARTANAH DAN RUANG PEJABAT YANG DIKOSONGKAN - CADANGAN**

7. **Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman** minta Perdana Menteri menyatakan apakah cadangan konkrit kerajaan terhadap setiap hartanah dan ruang pejabat yang dikosongkan setelah siapnya kompleks pejabat kerajaan di Putrajaya.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]:** Tuan Yang di-Pertua, bangunan dan tanah yang dikosongkan setelah siap kompleks pejabat kerajaan di Putrajaya pada dasarnya akan dikekalkan untuk kegunaan kerajaan pada masa hadapan. Namun cadangan konkrit dan terperinci terhadap setiap ruang pejabat belum dimuktamadkan. Jika Ahli-ahli Yang Berhormat mempunyai pandangan atau cadangan, Ahli-ahli Yang

Berhormat bolehlah memajukannya kepada Jabatan Perdana Menteri atau Pejabat Ketua Setiausaha Negara.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, berapakah agaknya ruang-ruang pejabat kosong yang dijangka akan berlaku setelah pemindahan pejabat ke Putrajaya nanti akan dilaksanakan.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, hampir kesemua pejabat-pejabat kerajaan yang dimiliki oleh kerajaan pusat di Kuala Lumpur, akan dikosongkan kecuali pada peringkat ini, diputuskan kepada Jabatan Kerja Raya dengan MITI. Angka yang tepat, saya tidak ada, dan saya akan perolehi dan menghantarnya dengan bersurat nanti.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Soalan tambahan, kita mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana mengundang sesiapa yang ingin mengusahakan hartanah kerajaan ini boleh membawa kertas kerja kepada pihak kerajaan, saya ingin tahu sekarang berasaskan kepada kawasan-kawasan perumahan kerajaan misalnya dan juga tanah-tanah kerajaan yang sedia ada di Kuala Lumpur sekitar Wilayah ini. Berapa ramaikah pengusaha yang telah menghantar program-program penswastan memohon kepada pihak kerajaan dan apakah tindakan susulan daripada kerajaan kepada permohonan-permohonan ini.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pejabat-pejabat kerajaan belum ada sebarang cadangan. Tetapi bagi rumah-rumah yang dimiliki oleh kerajaan pusat memang sudah ada cadangan yang pertama di lingkungan Cochrane yang kedua di Batu Road, yang lain belum ada cadangan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita sering mengingatkan rakyat bahawa masalah kegawatan ekonomi, soal pembaziran dan sebagainya mestilah diberi perhatian oleh rakyat dan juga kerajaan sendiri. Kalau sekiranya kerajaan bercadang hendak mengubah memindahkan pejabat-pejabat ke satu tempat yang sudah memerlukan perbelanjaan yang banyak dan tempat yang sedia ada kerajaan belum membuat suatu perancangan untuk hendak memanfaatkan tempat itu. Saya rasa ini satu tindakan yang akan memberi gambaran kepada rakyat seolah-olah kerajaan buat sesuatu

tanpa merancang supaya tidak berlaku pembaziran. Apa pandangan kerajaan dari segi ini?

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, rancangan untuk pindah ke pusat Putrajaya sudah dilakukan lebihkurang 10 tahun yang dahulu, sebelum datangnya kegawatan. Dan pada ketika itu kerajaan merasakan bahawasanya adalah amat sesuai bagi kerajaan mengadakan satu pusat pertumbuhan yang baru bagi kita meredakan trafik di Kuala Lumpur dan sebagainya. Tetapi hanya pada tahun lalu sahaja kita mengalami masalah kegawatan ekonomi. Namun Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedang menimbang dengan sebaik-baiknya di dalam penjimatan kita untuk tidak mewujudkan pembaziran dan oleh kerana itu bangunan yang telah sedia ada, sedia wujud akan dipergunakan oleh pihak kerajaan untuk sebaik mungkin ataupun dengan perkataan Inggeris 'will be optimally use', terima kasih.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam suasana sekarang ini kita nampak ada kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan tidak mempunyai satu kedudukan yang sama, ada kementerian kita nampak kosong penggunaan pegawainya. Terlampau besar pejabatnya dan setengah pejabat kerajaan terhimpit-himpit sehingga susah hendak diuruskan dalam tiap-tiap pejabat. Itu berlaku di kementerian-kementerian dan pejabat-pejabat besar di ibu negara dan ada juga pejabat-pejabat kerajaan setengah-setengahnya dibina sebelum merdeka yang mana kementerian atau jabatan yang mengisinya jabatan penting seperti Kemas, Jabatan Polis dan sebagainya.

Apakah piawaiannya sebenarnya di bawah jabatan kerajaan kita, jabatan-jabatan kerajaan kita penggunaan space, dengan izin penggunaan pegawai-pegawai kita ke atas ruang-ruang pejabat yang ada di seluruh negara kita. Terima kasih.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya kerajaan bersandarkan kepada piawaiannya prinsip 3K:

- (i) keperluan jabatan yang berkenaan sama ada jabatan itu memerlukan ruang yang sebesar mana yang dikehendaki;
- (ii) kemampuan kerajaan untuk membina; dan

- (iii) keadilan kepada yang menghuni bangunan dan juga yang akan menerima perkhidmatan daripada penghuni bangunan.

Asas kita ialah kepada keperluan jabatan dan rakyat yang menggunakan jabatan, kemampuan kerajaan untuk membinanya dan keadilan bagi semua pihak. Tuan Yang di-Pertua, kita menyedari memang benar seperti mana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat ada kadangkala terdapat perbezaan ataupun keketaraan dalam ruang yang disediakan.

Sebab itulah satu kajian telah dilaksanakan oleh kerajaan dan di antara keputusan yang dibuat adalah untuk kita menyediakan satu piawaian yang saksama dan digunakan oleh semua jabatan dan sebab itulah kita telah membuat keputusan untuk berpindah ke pusat Bandar Baru di Sepang.

#### **PERSATUAN WANITA BERCORAK PERNIAGAAN -CADANGAN KHIDMAT NASIHAT**

**8. Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan:-

- (a) apakah pihak kementerian bercadang untuk mewujudkan satu bahagian di bawah kementerian yang dapat memberi khidmat nasihat kepada Persatuan Wanita yang bercorak perniagaan seperti WIM, PENIAGAWATI, FEM, USHANITA dan lain-lain; dan
- (b) adakah pihak kementerian bersedia menyediakan kemudahan-kemudahan bagi menyelia dan membimbing pertubuhan tersebut di samping mewujudkan “Smart Partner” dalam memenuhi hasrat penubuhan kementerian.

#### **Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Idris bin Jusoh]:**

Kementerian Pembangunan Usahawan tidak bercadang mewujudkan satu bahagian untuk persatuan wanita yang bercorak perniagaan ini kerana telah ada satu unit dan pegawai khas yang menjaga perkara-perkara berkaitan usahawan wanita. Selain itu kementerian telah pun mewujudkan pusat bimbingan usahawan dan pusat usahawan kecil yang mana di antara lain tujuannya adalah untuk memberi bimbingan dan khidmat nasihat kepada usahawan, bakal usahawan dan termasuk usahawan wanita.

Sebagai langkah awal pada November 1996 lagi Kementerian Pembangunan Usahawan telah menggabungkan tujuh persatuan ataupun pertubuhan wanita yang terdiri daripada Persatuan Peniagaawati, Nawim, Usahawanita dan Wawasanita di bawah Persekutuan Pertubuhan Wanita dalam perniagaan ataupun nama pendeknya FEM iaitu Federation of Women Entrepreneur Malaysia dan FEM dengan kerjasama kementerian akan mengadakan Mesyuarat Jaringan Pemimpinan Wanita 98 ataupun 1998 Women Leaders Network Meeting pada bulan Setepmber nanti dan juga telah berjaya mengadakan teleconference ataupun berniaga melalui Internet dengan usahawan-usahawan wanita dari Canada pada awal bulan yang lalu.

Seperti yang telah dinyatakan sebentar tadi kementerian memang menyediakan kemudahan bimbingan dan ini termasuklah kepada pertubuhan usahawan wanita di samping menggalakkan jaringan dan perkongsian perniagaan selaras dengan hasrat penubuhan kementerian.

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah perancangan kerajaan untuk menggalak lebih banyak lagi penyertaan wanita di Sarawak terutama sekali bumiputera dalam perniagaan.

**Dato' Idris bin Jusoh:** Terima kasih Yang Berhormat, memanglah kita juga tidak mengeneipkan Sarawak dalam mana-mana program kita yang lain sebab itu saya katakan tadi di antara persatuan-persatuan yang telah digabungkan di bawah FEM ialah juga Persatuan Usahawanita Sarawak dan dari masa ke semasa kita akan memberi tumpuan kepada Sarawak dan tidak ketinggalan juga Sabah yang di seberang lautan supaya mereka tidak ketinggalan.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasihlah di atas penjelasan Yang Berhormat tadi, saya ingin mendapat penjelasan yang lebih lanjut dari Yang Berhormat setelah kementerian ini diwujudkan dan saya percaya kementerian ini telah pun menjalankan usaha-usaha yang begitu gigih untuk memupuk untuk menambah bilangan usahawan dalam negara kita.

Saya ingin tahu daripada usaha-usaha kementerian setelah kementerian ini ditubuhkan berapa ramaikah usahawan wanita berbanding dengan usahawan-

usahawan lelaki yang telah dapat dibantu, dibimbing dan dimajukan oleh kementerian ini dan saya ingin mendapat komen daripada pihak kementerian bagaimanakah kemampuan dan juga keupayaan usahawan-usahawan wanita di negara kita pada masa ini? Terima kasih.

**Dato' Idris bin Jusoh:** Terima kasih Yang Berhormat, saya tidak ada angka yang tepat tentang jumlah usahawan wanita yang telah dibimbing sehingga kini walaupun kita telah mengadakan latihan-latihan. Walau bagaimanapun daripada maklumat tentang pinjaman yang telah diberi kepada usahawan wanita ianya adalah amat membanggakan daripada 53,758 usahawan yang telah mendapat pinjaman melalui tabung TPUK, TUKAIM, TEKUN, TPPK, SPKP francais di kementerian dan daripada 53,000 tadi 30,762 adalah usahawan wanita.

Ini merupakan 57.22% daripada peruntukan pinjaman itu telah diberikan kepada usahawan wanita dan saya lihat di kementerian memang jumlah usahawan wanita ini bertambah dari masa ke semasa dan ini disokong hebat oleh penulis Barat, Larry Parrel pernah menyatakan bahawa wanita adalah usahawan yang lebih baik daripada lelaki - itu kata Larry Parrel. Dan juga tidak ketinggalan Naisbitt pernah menyatakan bahawa inilah the imagine of the women dalam perniagaan.

#### **PIAGAM PELANGGAN - PERLAKSANAAN OLEH KEMENTERIAN DAN JABATAN**

**9. Tuan Tee Thiong Hock** minta Perdana Menteri menyatakan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang telah mewujudkan Piagam Pelanggan.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Othman bin Abdul]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat kesemua kementerian telah mewujudkan Piagam Pelanggan masing-masing. Di samping itu masing-masing 40 Jabatan Persekutuan, 23 Jabatan Berkanun, 89 agensi di peringkat negeri dan 26 pihak berkuasa tempatan telah juga melaksanakan Piagam Pelanggan secara meluas. Saya ada senarai 9 muka surat agensi kerajaan yang melaksanakan Piagam Pelanggan ini, kalau Yang Berhormat hendak, saya boleh bagi secara bertulis.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, baru-baru ini ada satu siaran melalui TV berkaitan dengan



komen melalui birokrasi mengenai layanan pegawai-pegawai kerajaan. Saya dapati masih ramai lagi rakyat yang ada urusan dengan jabatan kerajaan tidak puas hati terhadap sikap pegawai-pegawai kerajaan. Ada soalan yang bertanyakan apakah tujuan Piagam Pelanggan itu diadakan bagi jabatan-jabatan? Sejauh manakah kemampuan kerajaan dalam usaha memantau perkhidmatan pegawai-pegawai kerajaan di jabatan-jabatan ini? Dan saya juga ingin mendapat penjelasan bagaimanakah cara kerajaan hendak mengurangkan kerenah birokrasi supaya kerja-kerja yang sepatutnya diselesaikan dalam masa-masa tertentu dapat diuruskan dengan sebaik mungkin?

**Dato' Othman bin Abdul:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya memanglah terdapat rungutan-rungutan daripada kalangan masyarakat mengenai layanan yang diterima oleh masyarakat yang diberikan oleh kakitangan kerajaan. Tetapi kita menyatakan bahawa standard ataupun kualiti pengurusan kerajaan sekarang, dan kerajaan sedang berusaha terus menerus untuk meningkatkan kualiti dengan memberi layanan, dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah pun mengarahkan supaya birokrasi itu dihapuskan bagi membolehkan masyarakat mendapat layanan yang sempurna. Tujuan kita mengadakan Piagam Pelanggan ini ialah untuk melahirkan satu jentera pentadbiran kerajaan yang cekap, berkualiti dan berorientasikan pelanggan. Jika sekiranya terdapat maklumat-maklumat yang menyatakan adanya kecuaiian di mana-mana tempat bolehlah pihak masyarakat melaporkan kepada kerajaan bagi disiasat untuk kita cuba mengurang dan menghapuskan masalah ini. Pemantauannya itu insya-Allah, pihak MAMPU sentiasa menjalankan kajian bagi meningkatkan kualiti pengurusan pentadbiran kerajaan.

**Tuan Hanipah bin Ahmad :** Saya ingin mendapat penjelasan, sebanyak manakah bantahan dan rungutan yang telah dibuat oleh rakyat terhadap perkhidmatan pelanggan ini, dan apakah cara kerajaan menyelesaikan masalah-masalah bantahan atau teguran-teguran yang telah disuarakan oleh pihak rakyat?

**Dato' Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, pertama saya hendak minta maaf kerana saya tidak ada angka-angka tersebut kerana segala bantahan ataupun pandangan masyarakat ini bolehlah disalurkan melalui Biro Pengaduan

Awam, di mana setiap aduan itu akan disiasat oleh biro bantuan ini, jika ada didapati benar maka tindakan disiplin akan diambil pada pegawai atau kakitangan kerajaan berkenaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' VKK Teagarajan.

**Tuan N. Marimuthu:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin soalan No. 10.

#### **KENAIKAN KADAR FAEDAH BANK - USAHA MENGATASI**

**10. Tuan N. Marimuthu [di bawah S.O 23(2)]** minta Menteri Kewangan menyatakan langkah-langkah yang diambil kerajaan untuk membendung kenaikan kadar faedah yang kini membebaskan pengguna.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:**

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengurangkan beban pinjaman, Bank Negara Malaysia telah melaksanakan langkah-langkah berikut:

- (a) Menubuh dan menambahkan peruntukan beberapa tabung untuk membantu sektor-sektor ekonomi yang tertentu, untuk terus mendapat pembiayaan di bawah keadaan kegawatan ekonomi ini pada kos yang lebih rendah berbanding dengan kadar pasaran. Tabung khas adalah seperti berikut:
  - (i) Tabung Industri kecil dan sederhana;
  - (ii) tabung kemudahan pembiayaan semula export credit;
  - (iii) skim khas perumahan kos rendah dan sederhana;
  - (iv) kredit bagi pembekal, pembeli dan pelaburan luar negara;
  - (v) tabung untuk makanan;
  - (vi) tabung usahawan baru; dan
  - (vii) tabung industri bumiputera.
- (b) Di bawah garis panduan Bank Negara Malaysia, kadar faedah pinjaman yang dikenakan ke atas pinjaman bagi pembelian rumah berharga RM100,000 ke bawah adalah 9% setahun ataupun 1.75 mata peratusan ke atas BLR yang mana lebih rendah.
- (c) Sebagai langkah mempertingkatkan tahap efisiensi proses perantaraan, keperluan nisbah berkanun telah dikurangkan daripada 13.5% kepada 10% dalam bulan Februari 1998 dan seterusnya 8% dalam bulan Jun 1998. Berdasarkan purata kadar faedah antara bank

sebanyak 11% setahun. Pengurangan rizab berkanun daripada 13.5% kepada 8% telah mengurangkan kadar maksimum pemberian pinjaman asas ataupun base lending ratio. Di samping itu mulai 3 Ogos, 1998 kadar faedah tiga bulan campurtangan BNM akan dikurangkan sebanyak 0.5 mata peratusan kepada 10.5% setahun yang mana akan mengurangkan lagi BLR institusi perbankan.

**Tuan Yim Chee Chong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada pagi ini Tuan Yang di-Pertua, saya ada menerima aduan dari seorang pemilik rumah murah yang mengatakan kadar interestnya dinaikkan hingga 14% per annum. Jadi oleh kerana ini adalah rumah murah, bolehkah Kementerian Kewangan mengarahkan Bank Negara agar mengadakan garis panduan kepada semua bank dan syarikat kewangan di negara kita ini supaya kadar interest bagi rumah murah itu tidak dinaikkan hingga 14% per annum. Saya hari ini adalah menyuarakan hasrat orang miskin dalam negara kita. *[Ketawa]* Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat kawan baik saya Senator Yim, apakah interest yang dimaksudkan itu interest dia beli rumah ataupun beli motokar?

**Tuan Yim Chee Chong:** Interest ini bukan beli motokar, ini adalah rumah murah yang saya katakan tadi - low cost houses.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Yang Berhormat kata, yang mengadu ialah pembeli rumah murah, tak kata beli apa.

**Tuan Yim Chee Chong:** Beli rumah, sekarang interestnya naik hingga 14% per annum, rumah murah.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Rumah murah di bawah RM100,000?

**Tuan Yim Chee Chong:** Ya, twenty five thousand, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, garis panduan daripada Bank Negara Malaysia kepada semua bank telah pun diwujudkan iaitu mana-mana rumah yang dijual di bawah RM100,000, kadar faedah mestilah tidak

melebihi 9%. Garis panduan itu telah ada, kalau Yang Berhormat ada kes Yang Berhormat bawa tadi, iaitu pembeli rumah murah dikenakan 14%, saya minta Yang Berhormat bawa kes itu kepada saya besok pagi, supaya dapat kita selesaikan.

**Tuan Yim Chee Chong:** Besok pagi saya ingat tak sempat Yang Berhormat. *[Ketawa]* Sebab dia tak datang ke pejabat saya, saya tak tahu, ia kompelin sahaja. Saya belum mendapat alamat dan nombor telefonnya. Saya ingat dengan secepat mungkin kalau boleh. *[Ketawa]*

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri Kewangan di atas usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan, dan kita memang tahu dalam keadaan ekonomi meleset Kementerian Kewangan merupakan kementerian yang begitu sibuk dengan berbagai-bagai dana. Soalannya Tuan Yang di-Pertua, kita tahu kerajaan mengeluarkan dana-dana untuk mengatasi masalah rakyat dan kalau tak silap fahaman saya dana-dana ini diedarkan....

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini bukan dana.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Ya, tabungan. Diedarkan melalui bank-bank atau institusi-institusi kewangan....

**Tuan Yang di-Pertua:** Membendung keadaan kenaikan kadar faedah.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Ya Tuan Yang di-Pertua, tadi saya dengar Yang Berhormat sebut tabung-tabung yang diwujudkan. Jadi tabung-tabung diwujudkan ini diedarkan melalui institusi kewangan. Persoalannya kita dapati bahawa rakyat begitu susah untuk mendapatkan perkhidmatan daripada pihak-pihak bank dan juga institusi kewangan untuk menggunakan tabungan yang berkenaan.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian bagaimanakah pemantauan yang dapat dijalankan oleh pihak kementerian supaya tabungan yang disediakan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh rakyat. Saya tidak tahulah dalam urusan ini pihak bank mendapat keuntungan yang kurang kalau sekiranya program-program ini disediakan oleh kerajaan berbanding dengan kewangan yang mereka

dapati daripada pihak swasta yang dijalankan mengikuti lunas-lunas perniagaan bebas dalam negara kita. Terima kasih Tuan Yang di Pertua.

**Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar:** Tuan Yang di Pertua, mengenai dengan dana-dana yang saya sebut, tujuh tadi, pihak bank, memang pihak bank komersial, bank perdagangan dijadikan sebagai saluran untuk menyalurkan kepada kumpulan-kumpulan sasaran dan bank diminta untuk menunaikan tanggungjawab sosialnya kerana bank hanya diberi spread yang kecil kadang 1%, ataupun 2 % tidak ada bank yang rugi dalam hal ini melainkan yang saya kata tadi diadakan cross subsidi di antara rumah kos rendah dengan rumah kos tinggi. Tetapi persoalannya Tuan Yang di Pertua, setengah daripada kumpulan-kumpulan sasaran tidak mengetahui wujudnya dana ini. Misalannya, dana tabung makanan walaupun diperuntukkan RM1 billion setakat ini dipergunakan hanya 3% - RM330 juta dan wangnya akan tiba lagi tetapi yang pentingnya ialah kita telah meminta bank-bank supaya membuat promosi ataupun membuat kerja-kerja extension ataupun pengembangan supaya kumpulan-kumpulan sasaran di seluruh negara mengetahuinya dan sebenarnya kalau kita lihat dana tabung makanan yang kurang dipergunakan kebanyakannya diambil oleh usahawan-usahawan di bandar di sekitar Kuala Lumpur, Ipoh, dan juga Pulau Pinang, Johor Bharu tetapi di kawasan saya, di Kangar lagi tidak tahu langsung, sebab tidak dihebahkan oleh bank dan kita telah meminta supaya bank-bank menghebahkan bahawa wujudnya dana ini dan kumpulan sasaran boleh menggunakannya. Dengan adanya dana-dana inilah Tuan Yang di Pertua, liquidity atau kecairan kewangan di dalam pasaran kewangan negara dapat diadakan dan dengan itu kadar base lending rate ataupun kadar faedah pinjaman dapat dikurangkan dengan adanya dana-dana ini dan dengan itu memberi faedah kepada usahawan-usahawan kecil dan sederhana.

**Datuk Haji Sairin bin Karno :** Terima kasih Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan, terlanjur menyebut dana tabung makanan saya rasa dalam keadaan sekarang ini sangat penting. Memang kalau di pendalaman, termasuk di negeri Sabah ramai orang yang tidak tahun ini 3F(Fund For Food), dana makanan. Jadi saya ingin bertanya kepada kementerian apakah kementerian berhasrat untuk turut campur kerana nampaknya kempen oleh bank-bank berkenaan atau institusi-

institusi kewangan yang diamanahkan tidak begitu memberangsangkan. Apakah kementerian berhasrat untuk membantu supaya ianya dipercepatkan pemberitahuan ataupun galakan untuk meminjam dana tabung makanan ini. Terima kasih.

**Dato' Dr. Affiuddin bin Haji Omar:** Setakat ini kementerian yang berkaitan dengan hal ini iaitu Kementerian Pertanian telah pun menjalankan kempen memulakan kempen macam semalam Yang Berhormat Menteri Pertanian sendiri telah mengisytiharkan bahawa pengeluaran barang-barang makanan dalam boleh menggunakan wang dana ini. Kita meminta bank mengempen di atas asas social responsibility, sebab dari segi motivasi bank, tidak ada, kerana spreadnya adalah kecil, dan juga pemberian dana ini kepada orang-orang kecil yang melibatkan kos yang tinggi, kalau dia beri pinjaman RM5 juta kepada seorang usahawan yang besar kosnya adalah sama juga kalau dia beri kepada seorang yang hanya meminta RM5,000 jadi bank akan lebih tertarik memberi pinjaman kepada peminjam-peminjam lebih besar. Dia dapat spread yang lebih dan dia dapat mengeluarkan wangnya dengan lebih banyak dan mendapat untung lebih. Jadi perlulah kita adakan usaha-usaha pengembangan ini supaya rakyat yang di dalam kumpulan sasaran mendapat faedah.

### **CYBER CAFÉ - PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG PUSAT HIBURAN**

11. **Dato' Mohd. Zuki bin Kamaluddin** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah langkah yang boleh dilakukan untuk mengawal aktiviti-aktiviti di Cyber Café. Tempat ini pada asalnya amat baik, telah disalahgunakan sebagai tempat lepak era baru, bebas untuk menggunakan Internet untuk semua tujuan, ini termasuk melihat gambar-gambar lucah dan bahan-bahan propaganda, minum minuman keras dan merokok, seolah-olah telah menjadi tempat hiburan pula. Jadi adakah kerajaan berpendapat undang-undang seperti di kelab-kelab hiburan perlu dilaksanakan di tempat-tempat ini.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui ]:** Tuan Yang di Pertua, Cyber Café adalah perkara baru yang mana belum tersenarai sebagai aktiviti hiburan yang perlu dikawal di bawah undang-undang yang sedia ada. Oleh itu kerajaan sekarang ini dalam proses menggubalkan

suatu Enakmen Hiburan yang seragam untuk digunapakai oleh semua kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan. Dalam enakmen yang baru ini Cyber Café ini akan dimasukkan sebagai tempat hiburan yang akan dikawal.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin :** Tuan Yang di Pertua, perkara ini adalah amat penting, seperti juga kita membawa bill Pengurusan Danaharta sebabnya hendak cepat lulusnya oleh itu Dewan kita tidak membincangkan begitu panjang. Oleh itu perkara ini sangat penting, sebelum ia merebak. Kalau hendak bawa satu undang-undang, baru hendak didraf ia akan mengambil masa satu tahun, dua tahun. Saya harap kerajaan akan dapat mengadakan undang-undang ini secepat mungkin kemungkinan minggu depan boleh dibawakan ke Dewan Negara, tetapi Dewan Rakyat sudah bersidang dahulu. Perkara ini sangat penting saya harap kerajaan mengambil berat dan jangan tunggu lama sangat.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Saya setuju. *[Ketawa]*

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di Pertua, saya ingin juga mengemukakan soalan. Kita tidak dapat nafikan Cyber Café ini telah melangkah bukan sahaja ke bandar-bandar besar, sekarang juga wujud di bandar-bandar kecil. Persoalan saya tadi masih belum ada lagi peruntukan undang-undang, sekarang sedang berlaku, siapakah dipertanggungjawabkan dari segi undang-undang untuk menyelesaikan masalah yang wujud sekarang.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di Pertua, kalau ada perkara-perkara seperti yang disebutkan dalam soalan Yang Berhormat Dato' Zuki tadi iaitu ada aktiviti melihat gambar-gambar lucu dan sebagainya saya rasa pihak polis boleh ambil tindakan terhadap perkara ini, sebab walaupun ini tidak ada dalam enakmen, perkara ini sekarang sudah dikawal dalam undang-undang yang lain seperti Enakmen Keseksaan dan sebagainya, dan tindakan boleh diambil jikalau ada aktiviti-aktiviti immoral yang berlaku di Cyber Café.

**Tuan Tee Thiong Hock:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mahu bertanya Timbalan Menteri, kalau seseorang pemuda dan pemudi masuk ke cyber cafe, tujuan mereka mahu tengok gambar-gambar yang tidak patut dia tengok kerana belum sampai umur. Jadi, saya mahu tanya kalau dia tidak masuk cyber cafe itu, tetapi ada tempat-tempat lain dia boleh tonton gambar-gambar itu

seperti pergi ke rumah Dato' Haji Mohd. Zuki misalnya kalau Dato' Haji Mohd. Zuki ada komputer. Macam mana kita boleh gerentikan pemuda-pemudi ini langsung tidak dipengaruhi oleh elemen-elemen yang tidak baik?

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Mengenai perkara ini, saya rasa dalam sesi ini kita pun ada satu undang-undang mengenai multimedia yang akan dibincangkan dalam Dewan ini. Saya rasa ini juga ada berkaitan dengan macam mana kita kuasai perkara ini atau macam mana kita mengawal perkara ini. Saya rasa buat masa sekarang memanglah terpulang kepada pihak-pihak yang menggunakan Internet ini supaya Internet ini tidak disalahguna-pakai untuk perkara-perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa bagi pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan sudah pun cukup.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 73 akan dijilid dalam buku berasingan]

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**



Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” [5 Ogos 1998]

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat Dato’ Abdul Aziz bin Abdul Rahman menyambung ucapan.

**3.43 ptg.**

**Dato’ Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi izin kepada saya untuk menyambung perbahasan berkenaan dengan Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia 1998. Saya ingin memperjelaskan dengan lebih lanjut lagi perkara berkenaan dengan Y2K yang saya sebut semalam, kerana saya didapati satu kajian telah pun dibuat. Mengikut ‘Marry Linck’, iaitu bank-bank di Jepun akan membelanjakan antara US\$29 juta ke US\$71 juta bagi menentukan sistem-sistem perbankan mereka yang ada kaitan dengan penggunaan komputer yang mungkin terjejas pada 1.1.2000 kerana masalah Y2K ini akan dapat dilaksanakan dengan jumlah sebegitu banyak.

Semalam saya sebut Citi Bank, sebenarnya jumlah yang diperuntukkan bagi mereka ini ialah US\$600 juta dan Bank Amerika pula US\$380 juta. Saya difahamkan Malayan Banking di Malaysia lebih kurang kalau saya tidak silap RM60 juta. Jadi, semuanya ini terpaksa kita buat. Kita mengharapkan Kementerian menerusi perundangan yang ada dapat memastikan semua syarikat, tidak kira bankkah, Malaysia Airlinekah yang mempunyai sistem-sistem komputer di negara kita ini, bila sampai 1.1.2000 semua masalah Y2K ini dapat diatasi sehinggakan tidak timbul masalah-masalah yang boleh menjejaskan perdagangan antarabangsa, perdagangan dalam negara dan menjejaskan pelanggan-pelanggan. Lebih daripada itu, kita juga mengharapkan kepada pihak kementerian, kepada pihak kerajaan hari ini juga menentukan komputer-komputer yang dijual di pasaran pada hari ini memberitahu kepada pelanggan-pelanggan adakah komputer-komputer mereka ini telah pun diubahsuai dari segi chipnya yang boleh ditentukan supaya tidak ada masalah Y2K bila sampai 1.1.2000. Kita hendakkan setiap barang yang bersangkutan-paut dengan komputer di pasaran Malaysia ini menunjukkan dengan

jelas, kalau sekiranya mereka bermasalah dengan masalah Y2K ini, mereka terpaksa mempamerkan supaya pelanggan-pelanggan mempunyai hak menentukan adakah mereka hendak membeli ataupun tidak. Kalau tidak, kita akan berdepan satu masalah besar dalam masa satu setengah tahun sahaja pelanggan-pelanggan komputer yang baru beli komputer ini terpaksa pula mengubahsuai dengan belanja yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, kerangka perundangan sudah wujud. Tetapi yang lebih penting ialah bagi kita menentukan sejauh mana aplikasi telekomunikasi multimedia ini dapat dinikmati oleh setiap lapisan masyarakat. Saya faham benar ada sahabat-sahabat saya semalam mengatakan perlunya komunikasi dan multimedia ini dirasai dan dinikmati oleh setiap lapisan masyarakat kerana kita tidak mahu menimbulkan satu masalah besar yang mempunyai perbezaan antara mereka yang tidak mampu mengetahui tentang komunikasi dan multimedia dengan mereka yang celik komunikasi dan multimedia yang terutamanya di dalam bandar.

Jadi, apa yang dibuat oleh sahabat saya Senator Datuk Ibrahim Ali misalnya, EMTEK bila dibuat ditempatnya di Pasir Mas, saya tengok Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri sungguhpun sakit kaki pun pergi juga, kerana desakan Senator Datuk Haji Ibrahim bin Ali, hendak menengok bagaimana berpuluh-puluh ribu termasuk gajah menyaksikan EMTEK dia di sana. Ini merupakan satu pendekatan yang baru, yang saya rasa pihak kerajaan sendiri terpaksa mengaturkan langkah untuk menjelajah, untuk menentukan supaya aplikasi komputer, komunikasi dan multimedia dibawa ke luar bandar, kerana ianya bukan sahaja monopoli untuk mereka di dalam bandar. Perbuatan Datuk Haji Ibrahim Ali itu kita ucapkan syabas, dan amat tepat kalau sekiranya saya hendak mengatakan di sini Dewan yang mulia ini, kalau sekiranya ada gelaran 'bapa komputer luar bandar', Datuk Ibrahim Ali-lah kita namakan.

Tuan Yang di-Pertua....

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya dengar Yang Berhormat Dato' Haji Aziz tadi panggil saya 'bapa IT luar bandar'. Adakah Yang Berhormat hendak buat apa-apa majlis untuk menganugerahkan itu kepada saya? Sekian, terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Insyallah, kita akan aturkan satu rancangan yang besar-besaran.

Tuan Yang di-Pertua, infrastruktur atau prasarana untuk menerima komputer dan aplikasinya ini terpaksa kita buat. Saya amat terperanjat sekali mendengar berita bahawa baru-baru ini Tenaga Nasional Berhad dengan bekalan elektrik luar bandar sejak Mac hanya mampu mengusahakan 10% daripada 100 projek, 60% ataupun RM16 juta masih peringkat perancangan. Ini berita yang saya dapat. Pada masa yang sama, kita didapati Lembaga Letrik Sabah misalnya berhutang dengan kerajaan RM10 juta kerana mengalih wang kerajaan RM10 juta untuk buat projek-projek lain, bukan untuk membuat projek elektrik di luar bandar.

Kalau inilah Tenaga Nasional Berhad, Lembaga Letrik Sabah tidak peka kepada keperluan rakyat untuk mendapatkan elektrik di luar bandar, bagaimana kita hendak menentukan komputer sampai ke luar bandar. Dahulu kita pernah tanya Kementerian Pendidikan, apabila mereka hendak mewujudkan sekolah-sekolah Bestari, sekolah-sekolah mempunyai komputer, kita didapati 2000 sekolah-sekolah luar bandar masih tidak mempunyai elektrik dan tidak dapat disambung dengan komputer. Jadi, perkara semacam ini merupakan satu, dengan izin, dislocation. Pada satu peringkat kita hendakkan komputer dan aplikasinya disebar luas ke seluruh negara, kerana kita mempunyai multimedia supper corridor dan sebagainya. Kita hendak juga mereka menyaksikan dan tidak ketinggalan dalam hal ini dan pada masa yang sama telefon tidak ada lagi, elektrik tidak ada lagi, tidak sampai perkara-perkara ini kepada mereka.

Saya hendak mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan kerana sungguhpun dalam keadaan yang sebegitu rupa mereka telah pun menjalankan berbagai-bagai usaha bagi menentukan kecelikan IT ini dapat dinikmati oleh peringkat bawahan, budak-budak sekolah lagi. Saya diberitahu sejak 1986 projek pengenalan komputer dibuat. Tahun 1994 projek Literacy Komputer, 1995 – Jaringan Pendidikan, Pusat Sumber Perpustakaan Elektronik, Mata Pelajaran Komputer di peringkat STPM, Sekolah-sekolah Bestari, semuanya ini menyediakan sebagai satu tempat tapak semeaian untuk menabur benih-benih yang boleh menerima kegunaan-kegunaan komputer pada masa yang akan datang.

Kerana untuk makluman Dewan yang mulia ini sumbangan industri maklumat seluruh dunia sudah pun meningkat kepada US\$500 bilion. Saya diberitahu ianya mencatat 45% daripada Keluaran Negara Kasar Amerika dan 40% Keluaran Negara Kasar di Jepun.

Cuba bayangkan bagaimana negara-negara maju aplikasi komputer, penggunaan multimedia, sumbangan mereka kepada KDNK masing-masing menjelajah sudah sampai sehingga 45% dan 40%. Kita ingin mengetahui daripada pihak kerajaan apakah sasaran kita, ke tahap mana, berapa peratus yang disumbangkan oleh perkembangan pekerja maklumat dan juga nilai tambahan yang boleh diberi oleh sektor komunikasi dan multimedia ini kepada pembangunan negara kita.

Kita mengharapkan komputer-komputer di negara ini dapat, bukan sahaja digunakan oleh pihak bandar dan luar bandar tetapi pada masa sekarang ini kita dapati banyak komputer second hand. Jadi, saya minta pihak kementerian kalau kita tidak dapat membeli yang baru – sungguhpun kita ada mempunyai masalah Y2K yang akan datang ini tetapi untuk peringkat awal-awal ini, cuba kutip komputer-komputer yang telah dipakai dan tidak diguna lagi oleh mereka – baik syarikat swasta mahupun pihak kerajaan. Semalam kita tengok Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi buku-buku kepada perpustakaan di luar bandar, itu kita ucapkan syabas tetapi sekarang ini kita kutip komputer-komputer second hand untuk diagih-agihkan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini peruntukan saya yang kerajaan beri RM100,000 itu semuanya diperuntukkan kepada komputer – ke sekolah dan ke masjid kerana mereka tidak mampu membeli – satu-satu institusi mungkin dapat sebuah ataupun dua komputer-komputer ini – untuk hendak mendedahkan mereka semata-mata kepada teknologi baru yang kita hendak lahirkan di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama saya juga ingin mengambil perhatian Dewan yang mulia ini bahawa sekarang ini kita dapati sudah wujud apa yang dinamakan digitalisasi. Kita dapati kutubkhanah atau perpustakaan sekarang ini pun di peringkat negara-negara maju, semuanya menukar corak menjadikan ianya digital sehinggakan kita dapat satu buku oleh Don Tachscot – bukan sahaja menulis buku anjakan paradigma (paradigm shift) tetapi juga menulis buku *The Digital Economy*. Ekonomi sendiri sekarang ini telah pun diteropong, cara mana ia dapat menggunakan sistem digital bagi menentukan kepantasan maklumat dikeluarkan dan kepantasan pula orang-orang yang membuat keputusan menggunakan maklumat dan membuat keputusan yang lebih tepat. Baru-baru ini orang yang sama dengan rakan-rakan yang lain telah pun membuat satu buku pula iaitu *The Blueprint* kepada digital ekonomi ini – dia ada, satu persatu sudah buat. Jadi, kita hendak tahu di peringkat kerajaan kita di negara ini, apakah blueprint kita? – langkah-langkah, tindakan-tindakan susulan, program yang terperinci untuk kita melangkah tahap demi tahap daripada peringkat sekolah rendah, menengah ke peringkat kerajaan dan industri bagi menentukan setiap level, setiap tahap itu dapat dicelikkan kepada

komputer, IT dan sebagainya kerana kita bersaing dengan dunia yang luas – dunia yang tidak ada sempadan ini kita bersaing dengan siapa cepat mendapat maklumat dan maklumat itulah akan menentukan untuk kita membuatkan satu-satu tindakan, satu-satu keputusan baik dari segi keputusan kerajaan mahupun keputusan yang hendak dibuat dari segi industri dan swasta, semuanya berasaskan kepada maklumat yang cukup, yang cepat dan boleh menentukan tepatnya satu-satu keputusan untuk kita usahakan.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengharapkan program semacam ini dapat diatur oleh pihak kerajaan. Yang pentingnya ialah program seperti ini juga tidak dapat diterima oleh mereka di luar bandar. Jadi, program-program untuk hendak berkempen secara penggunaan IT dan sebagainya teruskanlah. Saya juga amat sedih dan perkara ini sudah berlaku. Sebelum saya menghabiskan hujah-hujah saya – di Amerika semalam menerusi televisyen kita mendapati komputer-komputer yang dipunyai oleh keturunan Afrika – orang kulit hitam di Amerika hanya 11 peratus – orang kulit hitam sana punya komputer. Jadi, kita tidak mahulah besok bila kita menyebut pula komputer kepunyaan orang-orang Melayu di tanah air, orang-orang bumiputera 11 peratus juga dibandingkan dengan orang kulit putih pula di Amerika mempunyai 70 peratus komputer. Jadi, kalau tidak ada keseimbangan semacam ini, memang wujud satu perbezaan yang besar yang akan meminggirkan mereka yang lemah kerana tidak mendapat maklumat untuk membuat keputusan kepada mereka yang mempunyai maklumat yang cepat menerusi telekomunikasi, multimedia dan sebagainya secara digital akan dapat lebih berhadapan dengan masalah yang terbaru. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, penting sangatlah bagi kita menentukan supaya tidak wujud perbezaan-perbezaan dan jurang-jurang besar yang boleh memisahkan mereka di luar bandar dan di bandar.

Jadi itulah sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong rang undang-undang ini dan berharap ianya dapat dijalankan, diselia dan dapat memantau kegiatan-kegiatan multimedia dan teknologi tinggi di negara kita ini dan kita mengucapkan syabas kepada pihak kerajaan kerana dengan wujudnya Koridor Raya Multimedia super highway ini banyak sangat negara lain yang cemburu dan iri hati sehingga timbul pelbagai masalah antara negara-negara jiran dengan kita. Semuanya berpunca dari segi cara kita membawa satu pendekatan yang amat canggih untuk hendak meningkatkan maruah dan martabat bangsa ke arena dunia tanpa sempadan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Jamilah.

**3.56 ptg.**

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan kepada saya untuk turut membahaskan satu rang undang-undang yang begitu baik iaitu Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia 1998.

Tuan Yang di-Pertua, dalam penelitian saya mengenai Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, saya yakin yang ia merupakan satu usaha yang baik ke arah mewujudkan rangka kerja pelesenan dan pengawalseliaan bagi menyokong matlamat dasar kebangsaan kepada industri komunikasi dan multimedia. Walau bagaimanapun, perhatian yang rapi perlu dibuat kerana kita tidak mahu rang undang-

undang ini akan menjadi satu bebanan disebabkan terdapat 8 jenis lesen yang akan dikenakan atau disyaratkan kepada peniaga-peniaga atau swasta yang akan terlibat. Manakala pihak yang terlibat pula masih tertakluk kepada kuasa kerajaan negeri atau pihak berkuasa tempatan. Di sini kita dapati kerenah birokrasi masih belum dapat dikurangkan dalam zaman globalisasi ini.

Berdasarkan seksyen 51 arahan oleh Suruhanjaya yang berkaitan dengan seksyen 74 yang boleh mengenakan denda hingga RM20,000 berkemungkinan ianya menakutkan pihak yang akan terlibat untuk mencebur diri dalam industri komunikasi dan multimedia di mana kesannya akan menjejaskan hala tuju dan matlamat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat dan tumpuan utama dunia bagi perkhidmatan komunikasi dan perkhidmatan maklumat yang kandungannya multimedia.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik untuk menyentuh seksyen 234(4) yang membenarkan golongan tertentu memintas, mendedah atau menggunakan komunikasi sedemikian dalam perjalanan kerjanya yang akan memberi kesan-kesan yang negatif, adalah sukar untuk memastikan urusan pengintipan tugas atau kerajaan sebagaimana yang berlaku dalam skandal Watergate.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik juga untuk menyentuh seksyen 252(2) yang berkaitan dengan keterangan yang ditunaikan untuk maksud yang tertentu adalah diterima sama ada dengan rela hati ataupun tidak sedangkan seksyen 117 Kanun Acara Jenayah membenarkan pernyataan beramaran (cautious statement) boleh dipersoalkan di mahkamah. Oleh itu saya mohon untuk mendapatkan keterangan lanjut berhubung dengan seksyen 252(2) untuk mengelak kekeliruan.

Manakala seksyen 264 didapati telah memperuntukkan suatu kekebalan kepada petugas kerana mereka dilindungi dan tidak akan didakwa di bawah perlakuan jenayah. Ini sudah pasti akan memberi ruang kepada petugas untuk menyalahgunakan kuasa yang diberikan kepada mereka yang tidak akan didakwa sekiranya melakukan apa-apa kesalahan.

Manakala seksyen 271 menyatakan undang-undang ini lebih tinggi daripada sebarang undang-undang sehinggalah didapati di dalam seksyen 272 pula Suruhanjaya menjadi kebal dan tidak boleh dikemukakan sebarang tuntutan kepadanya. Kita amat mengharapkan apa sahaja bentuk syarat dan undang-undang akta yang akan dilaksanakan nanti ianya akan dapat memberi kemudahan dan keadilan kepada semua pihak supaya dengan ini tidak ada golongan yang terbeban atau terhimpit dengan sebarang peraturan yang akan dikeluarkan oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Akta ini usaha yang dinyatakan dan matlamatnya boleh menyemarakkan budaya ilmu di kalangan masyarakat yang menguasai maklumat. Dengan ilmu sahajalah masyarakat yang akan berwibawa dan ber'authority' dan mampu membangunkan negara dengan kadar yang cepat. Ini bermakna budaya ilmu adalah budaya yang penting dan mempunyai kuasanya tersendiri. Di dalam hal ini saya tertarik untuk memperingatkan di Dewan ini akan beberapa perkara yang berkait rapat dengan matlamat untuk memajukan dasar kebangsaan bagi industri komunikasi dan multimedia di samping peluang-peluang bagi peserta-peserta, penting dalam industri ini untuk mendapatkan keuntungan hasil dari galakan kerajaan dalam era multimedia, dalam Multimedia Super Corridor (MSC).

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesyuarat*]

Di sana terdapat juga peluang bagi membangunkan insan dan ummah melalui industri ini. Pembangunan ummah adalah pembangunan yang tidak boleh diketepikan dalam keghairahan negara untuk memajukan industri tersebut, penyiaran dan telekomunikasi perlu memberi ruang seluasnya untuk menyemarakkan ilmu Islam kepada masyarakat dan berpeluang untuk mendapatkan ilmu Islam di hujung jari mereka.

Saya juga turut bersetuju dengan pandangan-pandangan sahabat-sahabat saya dalam Dewan ini seperti Dato' Ghazi dan juga Datuk Ibrahim yang menyentuh mengenai ilmu di mana mereka tidak perlu menunggu seminggu sekali bagi mendengar kebenaran dari Allah di dalam program seperti Forum Perdana. Masyarakat berupaya menimba ilmu Islam setiap masa melalui komputer. Kesempatan ini perlu dimanfaatkan oleh kerana peserta-peserta industri untuk menawarkan pelbagai program dan pengisian kerohanian di dalam ilmu Islam. Kalaulah insan begitu kagum dengan ciptaan dan kecanggihan multimedia, tidakkah wajar manusia didedahkan dengan keagungan Allah yang tiada batasnya. Insan lebih rapat dengan Allah dengan bantuan teknologi multimedia, maka Allah berfirman maksudnya, "sesungguhnya kami beri ilmu kepada manusia, tuhan yang sedikit sangat". Tuan Yang di-Pertua, wajarnya dengan penyiaran dan telekomunikasi ini budaya ilmu dapat membesarkan keagungan Allah dapat diperhebatkan.

Malaysia selalu disebut oleh pemimpin negara sebagai sebuah negara orang Islam yang menjadi contoh kepada dunia luar. Peranan penyiaran dan telekomunikasi juga perlu menyebarkan kebenaran risalah Islam kepada masyarakat dunia. Kesungguhan penyiaran dakwah dalam pelbagai bahasa perlu dipertingkatkan. Peranan ini perlu dilaksanakan supaya sesuai dengan kata-kata dan tuntutan yang sentiasa disebut oleh kepimpinan negara. Kita tidak ketinggalan juga dalam program penerangan Islam sebagai Addin dijelaskan kepada orang-orang yang bukan Islam dalam dan luar negara. Selama ini mereka banyak mendengar perkara-perkara yang negatif atau maklumat yang salah atau dipesongkan.

Maka industri ini boleh mengambil peranan bagi memperbaiki imej Islam dan saya juga tertarik untuk menyatakan bahawa negara boleh mendapat pelaburan langsung dari negara-negara orang Islam yang kaya. Di dalam industri ini mereka boleh terlibat secara langsung dalam pelbagai bentuk perniagaan yang berkaitan. Sesungguhnya promosi ke negara umat Islam perlu dijadikan agenda oleh pemimpin negara. Selain Amerika dan Eropah, negara umat Islam perlu juga dilawati sekurang-

kurangnya agenda ini boleh membantu kegawatan ekonomi yang melanda negara kita sekarang. Sehubungan dengan ini negara boleh mempertingkatkan kemahiran dan kepakaran melalui bantuan dan kerjasama dengan negara-negara umat Islam. Ini adalah peluang yang perlu dimanfaatkan oleh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kemaraan internet telekomunikasi adalah terlalu deras untuk diikuti atau dipintas. Teknologinya begitu canggih dan kadang-kadang luar keupayaan untuk mengawal bentuk siaran dan maklumat yang disalurkan. Saya melahirkan kebimbangan dalam perkara seksyen 3 mengenai matlamat akta ini. Akta tidak membenarkan penapisan internet dengan masalah remaja yang dihadapi oleh negara, saya bimbang budaya celik IT kemungkinan ianya akan menjadi budaya celik lucah di kalangan mereka yang bermasalah dengan akhlak dan sahsiah. Walaupun ada seksyen 233 yang berkaitan dengan kesalahan penalti kebebasan tanpa had dalam penyiaran internet yang mempunyai unsur-unsur negatif dan lucah perlu kepada mekanisme kawalan yang tersendiri dan canggih.

Kerajaan perlu memastikan ada bentuk mekanisme yang boleh mengawal perkara tersebut. Perkara yang sama juga boleh diperluaskan perbincangannya dengan usaha-usaha yang cuba memesongkan akidah umat Islam dalam saluran telekomunikasi penyebaran internet dan sebagainya.

Jadi setakat itu sahaja pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Timbalan Yang di -Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Puan Mastika.

**4.06 ptg.**

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk turut membahaskan satu akta yang satu-satunya dinyatakan, yang satu-satunya ada di dunia ini iaitu Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Sekiranya akta ini diluluskan di Dewan Negara ini setelah dibincangkan begitu panjang lebar di Dewan Rakyat dan dipersetujui oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, maka ia akan menjadi akta yang ulung dan akta yang satu-satunya ada di universe ini.

Tahniah kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos serta pihak Peguam Negara yang berani dan berjaya menyediakan bill ini untuk dibentangkan di Parlimen. Saya percaya usaha Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos menyediakan akta ini merupakan satu kajian ilmiah dari segi perundangan. Saya dimaklumkan pihak kementerian dan Peguam Negara terpaksa menjalankan beberapa rujukan di beberapa buah negara serta menggunakan konsultan-konsultan daripada negara-negara maju dan negara-negara tertentu untuk menggubal undang-undang yang sesuai dengan acuan dan sosio-ekonomi Malaysia serta praktikal dilaksanakan berwawasan dan mengambil kira perubahan globalisasi dunia dan gerakan pembangunan pantas dengan menggunakan teknologi bagi menuju millennium yang akan datang. Usaha kementerian ini bukan sahaja dijangka akan menyumbang kepada pembangunan baru di Malaysia, malah akan menjadi bahan rujukan kepada negara lain. Dengan erti kata lain, menyumbang kepada pembangunan dunia sejagat. Selagi manusia mahu dan terus mengingati undang-undang dan menjadikan undang-undang sebagai sempadan gerakan dan tindakan manusia.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari bahawa akta ini merupakan satu-satunya Akta Komunikasi dan Multimedia yang pernah dibincangkan di universe ini, sudah tentu akta ini tidak sempurna, ada kekurangan dan kemungkinan-kemungkinan yang tidak dapat ditela oleh pemikiran manusia. Tambahan pula perkara-perkara yang kita bincangkan berkaitan dengan teknologi yang perkembangannya begitu pesat, penemuan-penemuannya di luar dugaan dan gabungan antara



pemikiran manusia yang terdiri daripada pencantuman iman dan nafsu yang dijana oleh pengetahuan teknologi akan melahirkan dua kemungkinan.

Satu - saintis yang menggunakan keilmuan untuk kepentingan dan kebahagiaan manusia sejagat dan kemungkinan yang kedua – saintis yang menggunakan keilmuannya untuk memenuhi naluri yang biasanya dipelopori oleh syaitan untuk memenuhi nafsu serakah tanpa sempadan dan menafikan hak manusia sejagat. Menyedari hakikat tersebut, tidak payah dipertikaikan adakah Akta yang dibentangkan ini mampu mengatasi segala kerenah manusia yang berkaitan dengan IT dan perkembangannya. Namun kita bangga sekurang-kurangnya negara Malaysia mempunyai peraturan dan perundangan yang disediakan untuk memberi ruang dan perkembangan kepada IT dengan beberapa kawalan yang pada masa ini difikirkan relevant. Dengan adanya akta ini segala ‘red tape’, dengan izin dan prosedur yang telah ketinggalan zaman dan tidak lagi sesuai dengan peredaran masa dapat dihapuskan. Ini akan menyumbang kepada pembangunan multimedia super corridor yang sedang giat diusahakan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi saya mendengar ucapan wakil daripada parti PAS – dua orang yang ada dalam Dewan ini, saya agak terkeliru kerana biasanya apa yang saya dengar wakil-wakil, pensyarah-pensyarah daripada parti pembangkang ini memburuk-burukkan multimedia tetapi di dalam Dewan yang mulia ini dengan suara yang begitu lunak, nampaknya mereka memuji dan bersetuju dengan multimedia. Saya agak keliru kerana setahu saya apa yang berlaku ‘on the ground’, dengan izin, di akar umbi, di kampung, di bandar juga ada pihak yang mempertikaikan usaha kerajaan bagi mewujudkan usaha IT di negara kita ini.

Mereka sebenarnya tidak pun faham dan tidak mempunyai pengetahuan mengenai perkembangan dunia pada hari ini. Mereka ini kebanyakannya terdiri daripada parti-parti pembangkang. Oleh itu saya sendiri keliru dan memikirkan apakah kata-kata pujian yang disebut itu merupakan satu keikhlasan atau ‘rhetoric’ sebagai ahli Dewan Negara sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi contoh di sini, walaupun bukan pengalaman saya tetapi pengalaman orang yang paling rapat dengan saya, suami saya sebagai Pegawai Pertanian bekerja dengan peladang-peladang, orang-orang kampung di luar bandar iaitu di Lembaga Kemajuan Pertanian Muda dan dia terlibat dalam mengajar komputer kepada pegawai-pegawai termasuk kepada peladang-peladang dan usaha-usaha dijalankan oleh jabatan ini iaitu badan berkanun Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) untuk menggalakkan petani-petani mereka supaya celik komputer dan yang melucukan apabila peladang-peladang ini didedahkan dengan komputer, dimaklumkan dengan soal Internet ada di antara peladang-peladang ini, yang disebut oleh suami saya Pak Aji PAS daripada parti pembangkang. Apabila hendak diajar Internet, pusing belakang, tutup mata sebab bila ditanya “Mengapa Pak Aji tidak mahu tengok komputer yang ada di depan?” katanya “Saya tidak berani tengok sebab yang saya faham apabila buka sahaja Internet nampak gambar telanjang”. Ini satu pemikiran yang tidak tepat dan memutarbelitkan kefahaman mereka yang tidak tahu dalam bidang teknologi dan ini adalah sebagai penghambat usaha-usaha kerajaan untuk kita menyusun usaha-usaha supaya negara kita juga tidak ketinggalan dengan negara-negara lain dalam usaha-usaha kita memajukan Multimedia Super Corridor sebagai usaha menyemai kefahaman, pelaksanaan dan penggunaan Internet ini untuk

kita sebarakan keseluruh negara. Tetapi ramai di antara rakyat kita malangnya terutama rakyat yang terdiri daripada bumiputera tidak diberi fahaman yang tepat mengenai Internet. Apa yang selalu mereka sebutkan ialah jika negara kita terlibat dalam bidang ini bererti kita mendedahkan masyarakat kepada soal-soal keburukan sosial terutamanya generasi muda. Ini menyebabkan setengah daripada ibu bapa yang anak-anak mereka yang telah pun diberi peluang menuntut di pusat-pusat pengajian tinggi tidak mahu membelikan komputer kepada anak-anak mereka kerana mereka berfahaman bahawa di dalam komputer apabila menggunakan line Internet maknanya banyak perkara-perkara lucah, perkara-perkara negatif yang diberikan penekanan yang lebih dan pemahaman yang lebih kepada rakyat di negara kita.

Pada hal, saya bersyukurlah tadi wakil dari sebuah parti pembangkang di negara kita yang beragama Islam, satu agama, satu bangsa dengan saya mempunyai satu pandangan yang begitu baik sekali mengenai Internet dan kita berharap mereka akan membetulkan pemikiran rakan-rakan dan kawan-kawan mereka dan beritahu kepada rakan-rakan dan kawan-kawan mereka supaya apabila memberikan penerangan, penjelasan terutamanya kepada penduduk-penduduk luar bandar jangan dipesongkan pemikiran mereka demi untuk kemajuan, kesejahteraan bangsa Melayu terutamanya dan juga untuk perpaduan kaum di negara kita supaya orang Melayu tidak ketinggalan dalam soal penggunaan Internet dan juga penggunaan alat-alat teknologi moden dan maju sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu di dalam Internet bukan sahaja terdapat perkara-perkara yang negatif, setahu saya perkara-perkara yang negatif ini bukan senang hendak access untuk dapat melihat, bukan petik satu jari sahaja atau kita klik sahaja komputer kita dapat melihat, ia perlu dibayar walaupun ada promosi-promosi yang dibuat tetapi mereka ini menjalankan perniagaan. Bukan semua orang yang mempunyai komputer, semua orang yang menggunakan line Internet ini dapat melihat benda-benda lucah ini sebegitu mudah. Ia perlu dibayar dan mereka yang terlalu ghairah ingin melihatnya, maknanya ada kos yang harus ditanggung. Bukan sebegitu mudah sebagaimana difikirkan oleh sesetengah pihak bahawa bila ada Internet sahaja maknanya semua perkara yang lucah ini dapat dilihat, dapat didedahkan dengan begitu mudah.

Walaupun tidak dinafikan perkara-perkara negatif ini memang berlaku dan kita harus ingat bahawa usaha-usaha untuk kita mengelakkan masyarakat kita daripada terjebak dengan perkara-perkara yang tidak baik, masalah-masalah sosial ini yang pentingnya ialah unit keluarga itu sendiri, berertilah kalau kita mempunyai anak, kalau kita mempunyai keluarga maka kitalah yang harus menentukan dan menjaga keluarga kita tetapi kita sebagai ahli keluarga juga harus mempunyai pengetahuan dan maklumat mengenai perkembangan semasa. Kalau kita sebagai unit keluarga dan juga ahli keluarga tidak mempunyai maklumat dan pengetahuan semasa sudah tentulah kita membuat tindakan dan keputusan yang tidak tepat kerana kurangnya maklumat dan pengetahuan di kalangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu melalui Internet juga banyak kalau hendak disebutkan perkara-perkara yang baik dan juga perkara-perkara yang memang merupakan keperluan pada zaman sekarang ini. Misalnya bagi umat Islam dia boleh belajar AlQur'an, pelajaran-pelajaran agama, bertukar-tukar fikiran dengan penganut-penganut agama Islam di tempat-tempat lain melalui perhubungan melalui Internet walaupun kita tidak dapat berjumpa tetapi kita boleh berbincang. Begitu juga bagi pelajar-pelajar sekarang ini kita mempunyai banyak universiti berkembar. Pelajar-pelajar yang terlibat dalam

universiti-universiti berkembar bukan semuanya pensyarah mereka ada di Malaysia. Saya difahamkan sesetengah pensyarah ini berulang alik dan yang sesetengahnya daripada Australia, New Zealand, Amerika mereka datang mungkin dua tiga minggu selepas itu mereka kembali ke negara mereka. Bagaimana dapat pelajar-pelajar yang tinggal di sini merujuk masalah-masalah pelajaran mereka kalau mereka tidak dapat berkomunikasi secara online ataupun secara e-mail. Ini merupakan satu perkara yang sudah menjadi keperluan pada masa kini.

Begitu juga kita melihat sekarang ini, contoh yang hendak saya berikan Sukom yang tidak lama lagi akan diadakan di negara kita merupakan satu Sukan Komanwel yang terbesar yang pernah diuruskan oleh negara tanpa Internet saya tidak fikir kita mampu menjual tiket-tiket yang telah ditetapkan untuk dibeli oleh mereka yang berada jauh dari negara kita. Bagaimana mereka hendak menghantar wakil misalnya atau datang hendak mengambil tiket dan sebagainya ataupun hendak membuat order melalui telefon sudah tentu Internet telah pun membantu kita untuk kita dapat menjual tiket-tiket Sukom walaupun sampai hari ini difahamkan tidak semua tiket itu boleh dijual, tetapi kita bersyukur kerana kita ada online yang boleh kita kemukakan kepada negara seluruh dunia, kita boleh berhubung dengan negara seluruh dunia, kita boleh membuat promosi kepada rakyat di negara lain, kumpulan-kumpulan, persatuan-persatuan sukan dan sebagainya untuk kita menjayakan program yang akan dilaksanakan.

Ini sudah pasti dan juga apa yang saya sebutkan tadi adalah merupakan bukti bahawa kita tidak ada pilihan yang lain malah untuk kestabilan politik negara, kita tidak boleh membiarkan negara kita isolated, dengan izin, ataupun mengamalkan sikap mengasingkan diri ataupun mengamalkan dasar tutup pintu. Kita melihat bagaimana negara-negara yang mengamalkan dasar tutup pintu runtuh tamadun mereka ataupun mereka terpaksa akur dengan keadaan dan perubahan semasa dengan mengubah dasar mereka sebagaimana negara China yang satu ketika dahulu telah pun mengamalkan dasar tutup pintu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya pernah tinggal sebilik bersama-sama dengan rakyat daripada negara China selama 3 bulan di Cairo, Egypt, Mesir semasa saya mengikuti International Course anjuran AIKA yang disalurkan melalui Kementerian Pertanian semasa saya masih bertugas pada masa yang lalu.

Sebelum saya berjumpa ataupun tinggal dengan warganegara China ini, seorang wanita, yang hadir bersama-sama dengan dua orang lagi pelajar ataupun pegawai yang mengikuti rombongan tersebut, dua orang lelaki. Saya sebenarnya memikirkan sebelum itu bahawa rakan-rakan kita yang berbangsa China samalah dengan China yang berada di negeri China. Tetapi apabila saya pergi berkursus di Cairo, tinggal sebilik dengan rakyat daripada negara China barulah saya sedar dan barulah saya tahu bahawa besar perbezaannya rakyat daripada China, bangsa Cina dengan orang Cinayang ada di Malaysia. Jauh perbezaannya. Terlalu jauh. Cuma

dari segi fizikalnya sahaja kita melihat mereka sama tetapi pemikirannya, budayanya, tindak tanduknya adalah jauh berbeza.

Rakyat negara China yang tinggal bersama-sama saya sebilik di Cairo, setelah hampir sebulan tinggal bersama, tidak pernah pun berani turun ke jalan melihat bagaimana bandar Cairo yang pada waktu itu dihiasi dengan lampu, dengan muzik dan sebagainya kerana saya berada di sana dalam bulan Ramadhan. Di negara Arab dalam bulan Ramadhan rupa-rupanya adalah bulan yang mereka memang jadikan sebagai satu bulan yang paling istimewa selepas bulan Ramadhan selepas sahaja mereka menyambut Hari Raya. Pada Hari Raya itu sendiri pun rakyat di negara Mesir tidak lagi begitu meriah keadaan di Cairo dan selepas itupun tidak semeriah di bulan Ramadhan. Bulan Ramadhan begitu meriah.

Kita sebagai rakyat Malaysia, saya dua orang wakil daripada negara Malaysia, sampai sahaja di Cairo kita letih kita tidur, esok kita bangun dah turun round satu bandar Cairo tengok, kita melihat bagaimana keindahan bandar Cairo, jumpa dengan Arab kita bertegur siapa, tanya khabar, tanya kawan-kawan daripada negara-negara lain tetapi tidak negara China. Mereka duduk di dalam bilik, mereka tidak berani keluar, tidak berani turun, sampai sebulan duduk bersama barulah dia berani meluahkan sedikit perasaannya bertanya kepada saya. Dia bertanya bagaimana Mastika, you berjalan merata-rata tempat tidakkah merasa curiga, takut dan sebagainya.

Rupa-rupanya selama saya duduk dengan rakyat daripada negara China ini, mereka sentiasa berada di dalam keadaan ketakutan, mereka sentiasa tidak mempercayai orang lain dan mereka sentiasa begitu tidak proaktif, begitu pasif pergerakan mereka kerana mereka dari sebuah negara China, mengamalkan dasar tertutup dan mereka sebenarnya tidak bebas, sebebas kita di Malaysia ini. Saya pun hairan kadang-kadang di negara kita ada pihak-pihak yang mengatakan bahawa kebebasan di negara kita ini kononnya terhalang, kerajaan menghadkan kebebasan. Sebenarnya kalau kita diberi peluang berjumpa dengan berbagai ragam keadaan manusia, kita di Malaysia ini cukup bebas, keadaan kita cukup istimewa dan kita bersyukur menjadi rakyat di Malaysia.

Saya berpendapat bahawa apa yang berlaku, apa yang saya sebutkan tadi bukan kita hendak memperkecil-kecilkan rakyat di negara China tetapi dasar tutup pintu yang diamalkan oleh negara tersebut tidak membawa sesuatu kebaikan kepada negara mereka dan juga lebih-lebih lagi kita kesian melihat keadaan rakyat mereka.

Jadi selepas itu pada tahun 1995, saya hadir sekali lagi ke Beijing, ini jumpa ramai lagi rakyat di negara China dalam Women Conference 1995 dan saya juga melihat keadaan yang sama, rakyatnya yang begitu terkongkong pemikirannya. Bila kita dari luar negara semua datang ke Beijing, Beijing sebagai tuan rumah berbagai-bagai perkara berlaku. Walaupun mereka ini ada CIA ataupun ada pihak-pihak yang mengintip orang-orang dari luar negara tetapi intipannya tidak seberapa hebat. Sebab mereka terdiri daripada orang-orang yang pemikirannya sentiasa dikongkong, dikontrol dan mereka tidak boleh mengatasi kemampuan dan juga kebolehan pihak-pihak lain, negara lain yang datang seluruh dunia.

Dan saya rasa, kalau saya hendak terangkan juga dalam Dewan ini, minta maaflah walaupun ini sebagai sebuah cerita, tetapi ini adalah sebuah cerita benar. Apabila saya pergi ke Beijing, saya membawa rakan saya bersama dan dia last minute ataupun saat akhir hendak pergi bersama, tidak ada kad untuk masuk dalam conference. Tetapi oleh kerana kita orang Malaysia dan kita mempunyai kemampuan dan keupayaan dan kebijaksanaan, bukan nak kata saya ada kebijaksanaan tetapi semua kita mempunyai kebijaksanaan, kita boleh mengatasi birokrasi-birokrasi yang ada di sana. Sehingga walaupun rakan saya itu pergi lewat tetapi kita boleh mendapatkan kebenaran untuk masuk dengan cara berkomunikasi, cara pemikiran kita yang lebih hebat dan mereka agak kebelakang daripada kita. Inilah, melihatkan pengalaman ini saya begitu yakin dengan dasar yang ada dalam negara kita iaitu kita mempunyai dasar yang terbuka dan juga kita, kerajaan menentukan rakyat di negara kita tidak ketinggalan dalam apa jua bidang.

Saya percaya kita akan dapat sama-sama meneruskan pembangunan dan juga meneruskan usaha-usaha membangunkan negara kita, mengangkat martabat negara kita supaya bangsa Malaysia tidak ketinggalan. Dalam masa yang sama apa yang saya sebutkan tadi, saya berharaplah dan saya sempat meneliti sedikit sebanyak

akta yang disediakan di sini. Ia adalah akta yang disesuaikan dengan keadaan sosio ekonomi, budaya dan acuan rakyat di negara kita.

Dan pada hari ini, di negara China juga kita tahu bahawa mereka telah mengubah dasar mereka daripada dasar yang begitu konservatif, menutup pintu sekarang mereka lebih terbuka dan keterbukaan ini jelas kita lihat setelah kita melihat negara Russia hancur apabila mereka mengamalkan dasar Komunisma, menutup pintu dan juga cuba mengasingkan rakyat negara mereka daripada pembangunan yang berlaku di sekitar dunia sejagat ini.

Oleh yang demikian kita jangan memikirkan bahawa dengan mengelak kemajuan yang sedang melanda dunia, kita akan selamat. Jangan menggunakan masalah sosial sebagai alasan untuk menolak IT. Masalah sosial perlu ditangani oleh unit keluarga sebagaimana saya sebutkan tadi. Penggunaan IT juga perlu dikawal dengan lebih ketat dan bertanggungjawab oleh keluarga. Kita juga perlu sedar bahawa IT membawa banyak kebaikan daripada kesukaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tidak menafikan bahawa dengan adanya kemudahan teknologi, memungkinkan perkara-perkara yang tidak bertanggungjawab boleh berlaku, ini tidak dapat kita nafikan. Dan kita sebagai manusia yang dilahirkan sebagai khalifah Allah diberikan pemikiran dan juga ilmu di dunia ini yang begitu besar, yang kita miliki hanya seperti setitik embun di lautan yang luas, sudah tentulah manusia harus berusaha pada setiap ketika untuk mengatasi kelemahan-kelemahan dan juga masalah-masalah semasa yang timbul.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya sebut tadi, kita tidak dapat nafikan bahawa pembangunan teknologi kadang-kadang boleh digunakan oleh mana-mana pihak untuk sesuatu perkara yang buruk, misalnya saya kelmarin mendengar apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim mengenai pengedaran tape mesyuarat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Menteri-menteri Besar mengenai hal ehwal agama yang diedarkan begitu luas di kawasan Parlimen Arau semasa pilihan raya baru-baru ini.

Mungkin Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim kalau beliau menyatakan perkara ini, beliau datang dan kembali ke Kelantan tetapi saya sentiasa berada di Arau kerana saya dari Bahagian Arau dan ini saya hendak jelaskan kepada Dewan

yang mulia ini bahawa perkara ini memang benar, saya sendiri yang mengambil tape yang berkenaan diedarkan kepada semua imam-imam di negeri Perlis iaitu sedutan-sedutan daripada perbincangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Yang Amat Berhormat Menteri-menteri Besar dibuat sedutan-sedutan dan potongan-potongan yang cuba membuktikan bahawa Kerajaan Malaysia, Kerajaan Barisan Nasional tidak menghormati ulama, bahawa Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Barisan Nasional mempertikaikan banyak pihak, tetapi yang sebenarnya bukan itu yang berlaku.

Saya percaya, apabila saya mendengar keseluruhan tape yang berkenaan, sedutan-sedutan ini adalah merupakan satu fitnah oleh satu pihak yang menggunakan teknologi untuk kepentingan diri mereka, ini memang kita akui, ada pihak yang boleh menggunakan dan boleh membuat apa sahaja sebagaimana saya sebutkan tadi. Ia ada dua kemungkinan bagi manusia berkaitan dengan teknologi, iaitu yang pertama manusia yang beriman akan menggunakan teknologi untuk kepentingan dan kebaikan manusia sejagat, tetapi manusia yang tidak beriman, yang mempunyai pengetahuan teknologi boleh menggunakan teknologi ini untuk memenuhi nafsu dan kehendak diri mereka untuk mencapai hasrat ini, ini memang tidak dapat dinafikan dan memang terbukti dengan pengedaran-pengedaran tape kepada seluruh imam di negeri Perlis yang menyebabkan imam-imam ini telah memanggil orang-orang kampung dan memperdengarkan tape yang berkenaan.

Kami cuma sedar hampir-hampir dua hari sebelum pilihan raya, baru kita sedar perkara ini berlaku, ini adalah satu fitnah yang besar dan saya ingin bertanya dalam Dewan ini, apakah undang-undang yang melindungi Akta Rahsia Rasmi kerajaan, saya rasa ini adalah Akta Rahsia kerajaan, kalau mengedarkan keseluruhan minit mesyuarat mungkin dikatakan lebih baik lagi daripada mengambil sedutan-sedutan tertentu yang memberi makna dan pentafsiran yang jauh berbeza daripada apa yang sebenarnya berlaku, kerana saya telah merujuk kembali kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada dalam mesyuarat berkenaan dan ini saya berterima kasihlah kepada Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali yang telah

menyebutkan perkara ini dan kalau tidak disebutkan memang terbuka dalam hati kami semua yang berada di sana.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal teknologi ini, ini kita harus teliti dan lihat semua kita dalam Dewan ini sama ada Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga pegawai-pegawai kerajaan harus meneliti dan melihat dan sebagaimana yang saya katakan tadi kita boleh menggunakan teknologi itu sebagai alat, sebagaimana demokrasi, demokrasi juga sebagai alat, jika salah kita menggunakan demokrasi itu, ia akan membawa kemusnahan dan kehancuran. Jika kita menggunakan demokrasi itu sebaik-baiknya, memahami hasrat tersurat dan tersirat dalam demokrasi itu, ia akan membawa kekuatan dan kukuh kepada kepimpinan malah kepada negara dan rakyat keseluruhannya, teknologi juga begitu.

Saya bukan sahaja soal tape yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim, tetapi soal pengedaran surat-surat, ini juga menggunakan teknologi. Di dalam pilihan raya baru-baru ini, memang kita agak pelik memikirkannya, pihak-pihak yang tertentu, yang saya percaya tentulah pihak pembangkang, tidak ada pihak lain yang bertanding di Arau, surat-surat telah pun diedarkan dengan menggunakan 'letter head' ataupun kepala surat kerajaan iaitu letter head Kerajaan Negeri Perlis.

Suarat yang pertama dikeluarkan iaitu surat yang kononnya daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kepada seluruh JKK di negeri Perlis. Surat ini menyatakan bahawa JKK akan dipecat selepas pilihan raya dan meminta wanita-wanita yang kononnya kerana wanita-wanita ini adalah kepercayaan kepada Menteri Besar supaya bekerja kuat. Semua JKK mendapat surat ini dan JKK percaya bahawa surat itu adalah surat dari pejabat Menteri Besar kerana letter head surat itu adalah letter head surat daripada pejabat Menteri Besar.

Perkara ini bagi jabatan-jabatan kerajaan harus berhati-hati dan kami sendiri sekarang ini masih lagi menyiasat bagaimana keadaan ini boleh berlaku dan kita tahu kepala surat kerajaan negeri ataupun letter head kerajaan negeri adalah merupakan satu perkara rasmi dan JKK kita menjadi satu kecelaruan yang begitu besar menimbulkan kemarahan yang begitu besar kepada pucuk pimpinan negeri



kerana dalam keadaan kita menghadapi pilihan raya keluar surat yang menyatakan bahawa kita hilang kepercayaan kepada jawatankuasa kemajuan kampung.

Satu surat lagi yang juga dikeluarkan oleh pihak yang mana kita tidak mengetahuinya, dipercayai pihak pembangkang, surat yang dikeluarkan oleh Setiausaha Politik kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga menggunakan letter head kerajaan negeri. Dalam surat yang berkenaan dihantar kepada jawatankuasa kemajuan kampung dan juga dihantar kepada pemimpin-pemimpin di peringkat kampung menyatakan bahawa beliau tidak puas hati dengan pemilihan calon. Beliau telah pun pergi berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyatakan: *"Apa saya peduli dengan Ahli Majlis Tertinggi!"* Tertera dalam surat yang berkenaan. Ini juga menjadi satu kecelaruan yang begitu besar dan surat-surat ini diedarkan dalam masa dan saat yang kita tidak boleh membuat correction, dengan izin, dalam masa yang begitu singkat, banyak pihak adu domba telah pun dibuat oleh pihak-pihak tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, teknologi ini yang boleh dipergunakan dan boleh diperalatkan oleh mana-mana pihak, soalnya sama ada ia ikhlas, beriman ataupun tidak, ini persoalan yang bukan siapa yang boleh menentukan tetapi diri kita, akidah kita dan niat kita yang boleh menentukan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara ini yang lagi peliknya, sepucuk surat daripada Pengarah Jabatan Agama Islam, surat yang mempunyai letter head Jabatan Agama Islam Negeri Perlis ditujukan kepada semua pemimpin menjemput untuk jamuan makan tetapi sebenarnya jamuan itu tidak ada, bila mereka datang, tidak ada jamuan yang diadakan dan ini juga merupakan surat yang bukan dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Perlis yang membuatkan Pengarah Jabatan Agama Islam menjadi gawat dalam keadaan yang begitu, memanglah bukan sahaja pihak-pihak yang terlibat di dalam pilihan raya, tetapi sudah tentulah orang-orang yang terlibat di dalam politik, di dalam pentadbiran kerajaan dan juga politik pergi menyerbu, marah dan juga mempersoalkan pihak Jabatan Agama Islam, kenapa membuat jamuan tetapi jamuan tidak diadakan, kenapa keluar surat, sebelum kita sahkan bahawa surat ini adalah adu domba pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, rupanya letter head jabatan-jabatan kerajaan ini harus diberi perhatian yang begitu teliti supaya tidak disalahgunakan. Saya percaya besok apabila kita menggunakan IT, Internet dan juga kita menggunakan teknologi yang lebih canggih, banyak lagi peluang dan ruang untuk mana-mana pihak yang ingin mengeksploitasikan keadaan yang tertentu untuk kepentingan diri mereka dan sudah tentu fitnah akan berjalan dengan begitu tidak terkawal.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri di Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos ini, adakah perkara ini di dalam akta berkenaan telah pun diambil kira supaya gerakan yang tidak sihat, fitnah yang dibuat ini dapat diatasi dalam akta yang berkenaan. Walau bagaimanapun, dengan penuh keinsafan dan pemahaman, walaupun saya bertanya perkara ini sebagaimana yang saya sebutkan tadi akta ini adalah akta yang baru, yang tidak pernah dibuat oleh pihak yang lain dan kita harus menerima kelemahan dan kekurangan yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, melihat kepada pencapaian IT di luar negara, saya telah pun membaca *Times*, mengenai penggunaan IT di luar negara, kita melihat penggunaan IT di luar negara begitu meluas dan kalau kita melihat tokoh-tokoh IT yang menerajui IT dipanggil "heroes of a wild and crazies tockrat," yang telah pun terlibat begitu lama. Kalau kita melihat dari segi bidang perniagaan, saya ingin memberikan contoh, ini kalau dilihat dari segi bidang perniagaan, kita berharap rakyat Malaysia juga akan dapat sama-sama menerjuni bidang ini apabila Multimedia Super Corridor diperkenalkan, kita berharap kita juga tidak akan ketinggalan, contohnya Zeff Bezos, umur baru 34 tahun, dia telah mempunyai volume of business RM1.97 bilion dan companynya Amazon Com. Kerja Zeff Bezos ini cuma menjual buku iaitu menjual buku melalui IT dan kalau kita lihat di dalam apa yang disebutkan penjualan buku di Barat, di Amerika, ini hanya sebagai contoh, sebuah buku dijual melalui Internet on line dengan harga US\$22.83, sedangkan buku yang sama apabila dijual di book store, harganya US\$20.85, maknanya harga belian order melalui Internet lebih murah lagi daripada harga yang dijual di book store, ini kemungkinan di book store terpaksa mereka menanggung kos-kos yang tertentu.

Mereka yang ingin mendapatkan buku-buku daripada Internet on line ini, mereka boleh menyemak dengan mudah kerana simplified, dengan izin, telah pun dibuat oleh pihak yang terlibat dalam perniagaan memperdagangkan buku ini.

Kita dapati di luar negara, di Amerika sekarang ini jualan buku 70% melalui Internet, cuma 30% sahaja lagi buku-buku dijual melalui kedai-kedai. Ini dapat kita bayangkan apabila negara kita maju nanti dalam soal multimedia ini kemungkinan mereka yang terlibat dalam penjualan buku ini harus mengubah sistem dan juga cara perniagaan mereka. David Fellow berumur 32 tahun dan Jerry Young, Jerry Young ini saya percaya orang dari Asia agaknya migrate ke Amerika dan berumur 29 tahun dan mereka ini merupakan pelajar sebuah universiti yang terlibat dalam perniagaan Internet semasa umur mereka masih muda lagi iaitu 20-an tahun kalau saya tidak silap. Mereka mempunyai company yang begitu terkenal di dunia iaitu 'Yahoo'.

Saya kira mereka yang selalu menggunakan Internet tahu dan juga menggunakan program daripada company ini iaitu 'Yahoo' dan perniagaan bagi David Fellow bernilai US\$1.06 bilion dan Jerry Young US\$1.03 bilion. Perniagaan mereka bukan sekadar dalam negara mereka tetapi telah merentasi dunia yang perniagaan sekarang ini dalam globalisasi ke seluruh dunia termasuk juga di Malaysia. Sebahagian besar daripada perniagaan mereka adalah merupakan search engine iaitu sebagai directory sahaja. Kita ada Yellow Pages dan saya fikir Yellow Pages tidak membuat keuntungan yang sebegini besar tetapi 'Yahoo', David dan Jerry Young telah membuat volume perniagaan yang begitu besar dan gerakan mereka dan bidang mereka cuma sebagai search engine ataupun sebagai pelayar di mana pengguna-pengguna dapat mencari ataupun mendapat maklumat-maklumat untuk mereka gunakan.

Seorang lagi yang terlibat dalam search engine iaitu 'X-Side'. Ini juga company yang memang terkenal. Joe Cross berumur 26 tahun dan George Bell berumur 41 tahun di mana kita melihat mereka yang terlibat di dalam bidang IT terdiri daripada mereka yang masih muda. Perniagaan mereka bernilai US\$28.4 bilion bagi Joe Cross dan George Bell US\$19.4 bilion. Seorang lagi yang terkenal di Amerika online iaitu David Case berumur 39 tahun perniagaannya

berjumlah US\$253 milion dan companynya AOL. Dia merupakan 'America Online' maknanya apa-apa barangan yang ada di Amerika semuanya di 'computerised' kan dan diadakan halaman di dalam Internet yang boleh digunakan oleh pengguna.

Demikian juga Crestoscost Cossacost berumur 49 tahun yang mempunyai perniagaan bernilai US\$40 bilion. Company yang berkenaan Eltrade iaitu yang memperdagangkan senarai-senarai dan perkara-perkara yang terlibat dengan perdagangan dan yang akhirnya Sidina Josen Online berumur 28 tahun dan Matthew Online berumur 28 tahun. Perniagaan mereka masing-masing US\$65.6 bilion. Mereka ini kalau kita lihat 'Yahoo' dan beberapa company yang begitu terkenal di negara kita ini adalah merupakan sebagai usahawan utama dunia yang telah pun menerokai bidang ini dan mereka telah pun dapat mengawal perniagaan seluruh dunia melalui Internet.

Jadi saya berpendapat bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga melihat keadaan ini dan kita juga bercita-cita walaupun rakyat di negara kita tidak dapat terlibat dengan begitu besar sekurang-kurangnya kita tidak ketinggalan dan yang penting bagi kita kalau kita hendak bersama-sama menentukan supaya budaya, pemikiran, idea, cara hidup kita dapat dikekalkan, tidak dijajah oleh pihak lain, kita juga perlu bersama-sama untuk menerajui bidang yang sama supaya kita tidak terpinggir dan akhirnya seluruh rakyat di negara kita akan dijajah dengan cara tidak langsung dengan penggunaan Internet yang tidak dapat dikawal dan tidak dapat dipertahankan.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap dengan adanya Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 ini akan dapat menyeragamkan undang-undang yang sedia ada, menentukan dan menetapkan polisi dan peraturan serta memberikan ruangan yang cukup untuk kegiatan pengusaha-pengusaha dan pengguna-pengguna IT. Badan-badan pengurusan yang ditubuhkan nanti hendaklah terdiri daripada mereka yang benar-benar pakar dalam bidang yang diceburi serta dapat memberikan sumbangan kepada negara secara jujur, ikhlas dan penuh tanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, ini saya kira adalah perkara yang sangat penting dan mustahak supaya pihak kerajaan memilih mereka yang menerajui dan mereka yang

terlibat di dalam IT yang akan kita persembahkan di negara kita supaya mereka yang benar-benar mempunyai kredibiliti dan mereka yang benar-benar mempunyai kepakaran dan keupayaan untuk memberikan sumbangan kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong dasar yang ditetapkan dalam Akta ini dan mencadangkan program pelaksanaan perkhidmatan sejagat yang sistematik dan efektif di luar bandar yang dikenali sebagai Universal Social Obligation (USO). Ini saya kira perlu diberi penekanan kerana saya juga bersetuju dengan apa yang disebutkan oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang lain dan berharap supaya apabila negara kita menjadikan IT ini sebagai salah satu daripada faktor untuk pembangunan negara kita berharap supaya mereka yang berada di luar bandar tidak ketinggalan sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, banyak anasir yang menakutkan pihak luar bandar sehingga menjadikan mereka ini fobia komputer. Fobia ini ada dua fobia di mana setengahnya fobia bagi mereka yang ada komputer tetapi tidak berani hendak touch, tidak berani hendak operate komputer dan ada di antara ahli masyarakat yang tidak tahu pun tahu hal komputer dan apabila diberi maklumat-maklumat yang tidak tepat mereka menjadi menggelabah dan mereka beranggapan bahawa dasar yang dibuat oleh kerajaan ini akan merosakkan dan menjerumuskan negara di dalam keadaan kancas sosial yang tidak dapat dibendung. Perkara ini tidak banyak berlaku di bandar tetapi banyak tekanan di luar bandar.

Sebagaimana yang saya sebutkan tadi ada ibu bapa yang tidak mahu dan juga tidak menjadikan keutamaan untuk menyediakan komputer kepada anak-anak dengan menyediakan ataupun menyambung line telekom untuk kegunaan anak-anak bagi mereka membuat assessment melalui multimedia ini. Kita berharap supaya syarikat-syarikat yang diberi lesen oleh kerajaan akan diberi penekanan supaya Universal Social Obligation ini hendaklah dijadikan sesuatu yang monitory dilaksanakan oleh mereka. Saya berharap benar supaya perkara ini ditekankan di peringkat awal kerana kita melihat di negara kita apabila kita mengadakan program

penswastaan tidak semua mereka yang mendapat nikmat daripada program penswastaan ini merasakan bahawa social obligation ini menjadi tanggungjawab mereka. Sebahagiannya apabila mereka mendapat nikmat yang begitu besar, mereka membesarkan rumah mereka, membesarkan kereta mereka, pergi keluar negeri dan setengahnya tidak kenal saudara mara dan tidak mahu langsung membantu mereka yang tidak bernasib baik.

Dalam soal ini melalui pengalaman kita yang lepas kita berharap supaya kerajaan menentukan syarikat-syarikat yang diberi peluang dan ruang untuk menjalankan perniagaan ini diberikan sesuatu perjanjian yang secara monitori mereka harus mengadakan program dan projek di luar bandar untuk menentukan supaya tidak ada gap di antara masyarakat bandar dan luar bandar di dalam penggunaan IT ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang pernah saya sebut, saya sering hadir di pameran-pameran komputer sama ada di Kuala Lumpur, di Penang dan bandar-bandar yang lain kita dapati perbezaan kaum yang hadir begitu ketara sekali. Masyarakat Cina dalam keadaan ekonomi yang begitu baik dan mereka juga kebanyakannya berada di bandar dan mempunyai pemikiran yang agak lebih advance, dengan izin, ramai anak mereka yang begitu pantas dan begitu pintar dalam menggunakan komputer tetapi bagi masyarakat India dan masyarakat Melayu yang berada di luar bandar minat mereka dalam bidang ini walaupun kerajaan sekarang ini menggalakkan Multimedia Super Corridor dan sebagainya tapi kita masih jauh ketinggalan ke belakang sebagaimana yang disebutkan Datuk Haji Ibrahim Ali semalam. Jadi perkara ini kita tidak boleh melihat secara remeh kerana sejarah harus diambil perhatian pada tahun 1969 pecahnya perpaduan kaum kerana adanya susun lapis masyarakat dalam sektor-sektor ekonomi yang berbeza. Ini merupakan satu transisi yang kedua negara daripada negara industri kita

telah pun berubah kepada negara yang bermaklumat, kita berharap perkara ini, kesilapan ini tidak akan kita ulangi sekali lagi.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya juga dapati bahawa di luar bandar, saya tidak tahulah mungkin di seluruh Malaysia aset untuk mendapatkan maklumat-maklumat daripada Internet begitu lambat sekali. Saya tidak tahulah, Ahli-ahli Yang Berhormat dan kakitangan kerajaan yang ada di Dewan ini, bagi saya untuk mendapat satu maklumat tunggu datangnya maklumat cukup menjemukan. Saya kira di negara-negara yang maju perkara mendapatkan maklumat ini lebih cepat daripada apa yang berlaku di negara kita.

Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, sebab soal telekomunikasi dan juga talian ini saya tidak pakar dalam bidang yang berkenaan, tidak tahu dalam bidang berkenaan, adakah kemungkinan infrastruktur yang ada sekarang ini di dalam negara kita belum lagi cukup untuk menampung penggunaan-penggunaan dan juga belum lagi cukup untuk menerima maklumat dengan sebegitu cepat. Kerana bukan sahaja kita susah untuk dapat maklumat-maklumat access kepada maklumat-maklumat yang dicari begitu banyak gangguan-gangguan dan line kita sering putus. Sebab saya berada di Perlis saya tidak tahu di Kuala Lumpur ini mungkin lebih mudah, di Perlis mungkin linanya dekat dengan Siam, hampir-hampir mungkin yang mengalir itu tinggal sedikit agaknya, saya pun tidak tahu, tetapi kami di sana susah, sering mendapat gangguan-gangguan dari segi line, line sering terputus, penerimaan maklumat tidak stabil dan sebagainya.

Jadi saya juga ingin mendapat perhatian daripada pihak kementerian dan berharap supaya pihak kementerian dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik, kalau perlu kita upgrade ibu sawat telefon, saya fikir eloklah kita upgrade ibu sawat telefon kerana buat masa ini penggunaan Internet bagi kawasan-kawasan luar bandar tidak digunakan dengan sepenuhnya. Kita sudah jem, macam trafik jem dalam menggunakan line, kalau semua pihak diberikan di'educate' dengan izin, diberi pendidikan untuk menggunakan internet ataupun sampai masanya keperluan penggunaan IT ini diperlukan adakah ia mampu untuk memberi perkhidmatan kepada seluruh rakyat di negara kita. Perkara ini haruslah kita kaji dan saya harap akan dapat penjelasan daripada pihak kementerian sejauh mana persediaan kita ke

arah perkara berkenaan. Saya takut sebagaimana kita menyediakan bangunan-bangunan yang tinggi, saya pernah mempersoalkan di Dewan ini bagaimana persediaan ahli bomba untuk menghadapi kebakaran dan sebagainya. Rasanya kita mempunyai cukup peralatan dan sebagainya.

Saya ingat akhir-akhir ini kita diberitahu bangunan-bangunan yang tinggi haruslah menyediakan keperluan perkhidmatan bomba mereka sendiri. Saya sudah tengok filem 'towering Inferno' kita jangan jadi sebagaimana yang terjadi dalam filem yang berkenaan, kita menyediakan ataupun membina bangunan yang begitu tinggi akhirnya memerangkap nyawa manusia tapi kita tidak ada kemudahan-kemudahan menyelamatkan yang cukup.

Yang ini Tuan Yang di-Pertua, dalam kita membangunkan sesebuah negara, saya pun akur dan faham, bukan perkara mudah, kita bukanlah menyalahkan pihak kementerian tetapi apa yang saya ingin sebutkan di sini supaya perkara ini, keperluan-keperluan ini perlu diteliti lebih awal dan dilihat keperluan-keperluannya supaya jangan kita nanti dilihat seolah-olah kita bercakap sahaja soal Multimedia Super Coridor, soal Internet padahal penggunaannya tidak seberapa. Pelaksanaannya tidak sebagaimana. Kita pun malu nak sebut dalam Dewan ini kalau kita buka website, atau masing-masing jabatan, agensi kerajaan ada masing-masing on-line di dalam Internet kadang-kadang tengok ada angka-angka yang diberi maklumat-maklumat yang diberi itu adalah outdated tidak pun di'upgrade' bukanlah semua tapi ada yang tidak di'upgrade' tiap kali kita nampak, perkara yang sama. Jadi adakah benar dalam semangat berkobar-kobar untuk menjadikan negara kita ini negara multimedia negara yang mempunyai kecanggihan dan kita nak masuk era multimedia ini dari segi pelaksanaannya dan kesungguhannya tidak dilaksanakan dengan seberapa.

Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, dari alat-alatan komputer ini kalau bagi kita yang duduk jauh di luar bandar, jauh di sana kita tidak harga yang begitu baik, maksud baik itu murah berbanding dengan harga yang ada di Kuala Lumpur. Bagi mereka yang jauh di luar bandar mereka membeli set keperluan komputer kadang-kadang mereka di'manipulate' ataupun diambil kesempatan oleh pihak-pihak yang menjual alat-alat komputer ini harganya kita tahu berapa, mungkin mereka beli



lebih mahal atau lebih murah, tapi service bagi alat berkenaan mereka dikenakan bayaran service yang begitu tinggi tanpa kawalan dan begitu juga bagi mereka yang pandai ataupun yang tahu sedikit sebanyak soal IT ini kerana kita dah hantar ramau pelajar ke ke luar negeri kalau mereka nak mendapatkan barang itu sendiri harga di luar bandar , berbanding dengan harga di Kuala Lumpur ini jauh beza. Jadi dalam soal ini juga saya rasa pihak kementerian perlu juga meneliti keadaan ini dan ini adalah merupakan di antara halangan-halangan yang dihadapi, sudahlah mereka tinggal di luar bandar tidak berkemampuan, pendapatan mereka tidak seberapa mereka pula terpaksa beli barangan-barangan yang terlibat ataupun barangan-barangan IT ini dengan harga yang mahal. Kerana tidak ada maklumat. Mereka tidak tahu harga berbanding dengan harga di Kuala Lumpur. Tapi setakat yang saya lihat dan setakat yang saya ikuti harga yang ada di Alor Star, di Kangar di bandar-bandar di utara, saya tak tahu di Penang sebab saya tak pernah ke Penang berbanding dengan Kuala Lumpur adalah jauh berbeza.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga, saya berharap usaha celik komputer ini perlu dipergiatkan terutamanya kepada masyarakat kita yang tidak begitu berpeluang untuk mendampingi diri dalam soal ini seperti suri rumah, mereka yang tidak lagi belajar dan sebagainya saya berharap supaya NGO juga diberi peluang untuk mengambil bahagian di dalam memperkenalkan IT ini dalam usaha untuk kita membawa masyarakat kita celik komputer. Bagi masalah sosial yang melanda negara, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah mengadakan program pintas iaitu satu program sebagaimana program pengembangan khusus diberikan kepada masyarakat untuk mengatasi masalah-masalah sosial yang berlaku. Kegawatan sebahagian daripada masyarakat kita dalam soal komputer ini saya rasa begitu mendesak sekali kerana kita telah hampir tiga tahun di dalam kita memperkenalkan Multimedia Super Coridor bercakap soal Multimedia Super Coridor ini kita dapati gap di antara bandar dan luar bandar semakin jauh.

Saya berharap supaya pihak kerajaan mengadakan satu peruntukan sebagaimana peruntukan pintas yang boleh digunakan pihak-pihak NGO dan juga badan-badan yang boleh memberikan perkhidmatan mereka untuk diberi peluang kepada masyarakat di luar bandar untuk mereka memahami dan juga untuk mereka

mengetahui dan juga untuk mereka dapat menggunakan kemudahan-kemudahan dan era baru yang sedang diperkenalkan ini.

Perkara yang keempat, saya juga berharap supaya diadakan Perpustakaan Komputer di negara kita. Sekarang ini kita telah mempunyai perpustakaan buku. Kita tahu buku ini sampai satu ketika, komputer merupakan satu perkara asas yang perlu di samping ilmu yang banyak dalam buku. Oleh yang demikian saya berharap, kerajaan juga memikirkan untuk mewujudkan Perpustakaan Komputer sama ada statik atau bergerak. Saya juga mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya tadika-tadika KEMAS dibekalkan dengan komputer, kalau kita tidak mampu membekalkan komputer ini secara keseluruhan setiap daerah dibekalkan dengan komputer dan diwujudkan unit-unit bergerak yang boleh mendedahkan anak-anak kita di luar bandar kepada penggunaan-penggunaan komputer.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang ingin saya sebutkan ini, iaitu masalah Y2K, yang disebutkan oleh rakan-rakan kita, Yang Berhormat sebentar tadi, iaitu *millennium bark* pada tahun 2000. Kita faham bahawa komputer yang sedia ada ini yang menggunakan set, kebanyakannya menggunakan dua digit. Apabila kita melangkah tahun 2000, digitnya akan menjadi 00, maknanya apa yang saya difahamkan bahawa, setiap maklumat yang ada dalam komputer ini tidak dapat berfungsi pada tahun 2000 ini nanti. Dalam menghadapi masalah Y2K ini, kita bimbang komputer dan juga maklumat-maklumat yang ada, yang digunakan sekarang ini, sama ada untuk urusan jabatan, perniagaan dalam negeri dan juga perniagaan yang melibatkan perniagaan luar negeri, sampai masanya pada tahun 2000 nanti, kita bimbang, takut maklumat-maklumat ini tidak dapat lagi dibuat *assessment*, kerana kita, Tuan Yang di-Pertua, terutamanya dalam menghadapi Y2K ini, soalnya kos. Kos, satu perkara yang harus difikirkan dan yang keduanya teknologi untuk kita menghadapinya.

Dalam soal kos ini sudah tentulah semua pihak tidak dapat mengelakkan daripada memperuntukkan satu peruntukan yang khusus untuk membuat peralihan-peralihan supaya maklumat-maklumat yang sedia ada ini tidak *jam* pada tahun 2000 nanti. Saya melihat dalam surat khabar, JPJ menyediakan RM11 juta untuk menghadapi masalah Y2K. Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

pada hari ini dinyatakan memperuntukkan RM6 juta dan soalnya, berapa juta yang diperlukan untuk kita mengatasi masalah yang berlaku. Masalah ini tidak boleh dipandang dengan remeh kerana kita tidak ada pilihan yang lain melainkan kita harus menentukan jentera pentadbiran, perjalanan kerajaan, perniagaan dan sebagainya terus berjalan apabila kita melangkah ke *millennium 21*.

Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan apakah tindakan-tindakan dan juga apakah usaha-usaha kerajaan untuk menentukan supaya peralihan ini dapat berjalan dengan begitu licin. Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang kerana kita pernah diserang oleh Soros dan kita menghadapi kegawatan dari segi kewangan. Komputer-komputer ini, perubahan-perubahan untuk kita menghadapi *millennium bark* pada tahun 2000 nanti juga, saya percaya kita terus bergantung kepada pihak-pihak luar. Apa kata kalau sekali lagi Soros, IT melanda negara kita di akhir tahun 1999. Bagaimana kita hendak melangkah ke millennium 21?

Kita harus mengadakan persediaan-persediaan yang tertentu kerana dalam soal teknologi ini, saya bertanya pada banyak pihak. Saya harap menteri dapat menerangkan nanti, tidak ada satu kepastian yang dapat diberikan oleh mana-mana pihak, untuk kita pastikan apabila kita melangkah tahun 2000 nanti, semua maklumat ini dapat kita selamatkan.

Tuan Yang di-Pertuan, saya pernah berpengalaman semasa saya bekerja dahulu, ketika mengendalikan akaun secara komputer, tetapi ada juga ketikanya, apabila kita menghadapi masalah dengan pihak yang *supply software*, tidak mahu bekerjasama dengan kita, akhirnya kita *jam*, kita tidak dapat hendak *produce* laporan kewangan itu dari masa ke semasa dan memakan masa yang lama. Tetapi nasib baik kita ada *back-up*, yang merupakan satu rekod secara manual, tapi ini satu syarikat yang kecil. Apa kata satu negara yang besar, satu syarikat yang besar, adakah kita semua mempunyai satu program penyelamat, dan adakah kita pasti bahawa apabila kita melangkah ke tahun 2000 nanti, program multimedia yang kita perkenalkan di negara kita tidak disabotaj oleh mana-mana pihak.

Saya ingin mendapatkan suatu kenyataan daripada pihak kementerian bahawa perkara ini tidak berlaku. Tuan Yang di-Pertua, saya amat bimbang kerana dalam kegawatan kewangan tanpa kita sedari, tanpa kita berjaga-jaga walaupun

sebelum itu disebutkan bahawa Malaysia ini ada “wang panas” dan sebagainya, kita diserang dan akhirnya kita *collapse*, bukan kita sahaja, seluruh negara Asia. Sekarang ini kita hendak jadi *champion* di dalam hal komunikasi di Asia dan kalau boleh di dunia, kita melahirkan satu akta yang terulung. Adakah kita ada persediaan ke arah menyediakan diri kita kalau sekali lagi ada pihak yang cemburu dan sabotaj negara kita, dari segi sistem perjalanan negara. Sistem kita sekarang ini bergantung kepada komputer, kalau komputer *jam*, kita *jam*. Saya pernah menghadapi keadaan *jam* dalam mengendalikan akaun, bila komputer kita, *software* kita *jam*, dan kita tidak dibantu oleh pihak yang mengedarkan *software* kerana ada terma-terma yang kita tidakersetujui, kita *jam* dan teruk, Tuan Yang di-Pertua, siang malam tidak tidur, kita hendak selesaikan masalah yang kita hadapi. Itu syarikat yang kecil. Apa kata kalau negara yang besar dan ini merupakan satu perkara yang membimbangkan kepada saya dan mungkin mendapat jawapan yang positif daripada pihak kementerian. Saya percaya, pihak kementerian ada langkah-langkah untuk mengatasi masalah yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, cuma dua perkara lagi yang ingin saya sebutkan iaitu di dalam Akta Komunikasi Dan Multimedia 1998, muka surat 19, perkara 3 (3), disebutkan di situ:

“3 (3) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh ditafsirkan sebagai membenarkan penapisan Internet.”

Ini telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat daripada wakil PAS, dan dalam soal ini saya bersetuju, dalam soal lain saya tidak bersetuju dengan PAS. Saya minta penjelasan daripada kementerian, jika perkara 3 ini ada disebutkan “tidak ada apa-apa jua akta ini boleh ditafsirkan sebagai membenarkan penapisan Internet”, tidakkah kita terdedah kepada keadaan-keadaan ataupun kegawatan-kegawatan yang tidak kita ingini?

Satu perkara lagi, Bab 3 dalam muka surat 30, iaitu Perisytiharan Menteri. Saya melihat perkara (3), menyebutkan:

“(3) Menteri boleh juga membuat suatu perisytiharan bertulis untuk mengecualikan seorang pemegang lesen daripada mematuhi mana-mana syarat lesen”.

Peruntukan-peruntukan yang diberi ini agak begitu luas dan saya ingin juga dapat makluman daripada pihak kementerian kenapa ada satu peruntukan yang sebegini meluas, sedangkan ini merupakan satu keperluan yang memang menjadi satu kebiasaan di dalam kita menyediakan akta. Saya berharap pihak kementerian supaya menggunakan budi bicara sebijak-bijaknya, seadil-adilnya menimbangkan kepentingan negara dan berhati-hatilah dalam menggunakan akta Bab 3, Perisytiharan Menteri, perkara (3) ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja yang saya ingin sentuh di dalam membahaskan Akta Komunikasi Dan Multimedia 1998, sekali lagi kita berharap supaya akta ini akan dapat memberikan ruang dan juga akan dapat mewujudkan satu suasana baru kepada pembangunan di negara kita dan kita berharap walaupun saya tidak menyakini sepenuh apa yang ada dalam akta ini sebagai mana saya sebutkan tadi, ini merupakan perkara yang baru, tentu ada kelemahan-kelemahan yang tidak dapat kita tilik dan tidak dapat kita lihat pada masa ini.

Kita berharap kerajaan akan sentiasa sedia mengkaji dan juga meneliti membuat pengubahsuaian kepada Akta yang kita luluskan ini supaya penggunaan multimedia di negara kita ini dapat kita juruskan kepada penggunaan untuk kepentingan manusia sejagat dan tidaklah wujudnya Akta ini boleh mengakibatkan satu kegawatan kepada kehidupan manusia itu sendiri kerana setiap apa yang kita buat yang pentingnya ialah benefit dengan izin, kepada manusia dan juga kepada negara dalam usaha kita untuk mengangkat martabat negara dan bangsa kita.

Jadi dengan kata-kata itu saya sekali lagi menyokong Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Terima kasih.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan.

**5.11 ptg.**

**Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana mengizinkan saya bercakap sedikit tentang Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia 1998 yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Pada dasarnya saya menyokong penuh supaya Rang Undang-undang tersebut diluluskan.

Bagaimanapun saya mohon izin Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi sedikit pandangan tentang situasi semasa termasuk mengenai komunikasi dan multimedia di negara kita ini dari seorang insan yang baru hendak mengenal beberapa alat komunikasi canggih seperti saya. Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh bangga dan kagum dengan perkembangan komunikasi di Malaysia. Beberapa syarikat komunikasi telah diwujudkan sehingga membolehkan rakyat Malaysia tidak boleh tidur kerana adanya siaran TV selama 24 jam tetapi kita bernasib baik kerana pihak penerbit TV berkenaan sedar lebih awal tentang selera orang Malaysia untuk menonton TV pada jam 2.00 pagi hingga 5.00 pagi. Alhamdulillah kerana mereka sudah mengubah jadual siarannya yang ditamatkan lebih awal iaitu pada 2.00 pagi sahaja.

Perkara yang lebih mengecawakan hati saya ialah mengenai pengisian siaran-siaran TV di negara kita sekarang. Pada pandangan saya, TV yang menyiarkan program luar negara lebih banyak mengambil masa siarannya daripada program tempatan. Saya takut dan bimbang jika ini tidak dikawal, lebih ramai rakyat Malaysia mudah terpengaruh dengan hasutan dan propaganda dari negara-negara yang ingin menjatuhkan dan menghancurkan kestabilan politik dan ekonomi negara ini.

Kita harus ingat bahawa berita daripada CNN atau dari mana-mana agensi berita luar negara memang berusaha memporak-perandakan negara Malaysia yang sama-sama kita bina keharmonianannya. Isu kecil mereka besarkan dan usaha murni kita cuba ditenggelamkan. Oleh itu saya berharap semua pihak sama ada Kementerian Penerangan yang diwujudkan nantikan dapat memastikan bahawa segala yang disiarkan oleh mana-mana saluran TV di negara ini mestilah mematuhi inspirasi kerajaan dan rakyat negara ini. Kita jangan biarkan saluran TV tontonan di Malaysia ini menjadi duri dalam daging sehingga boleh menimbulkan kecurigaan rakyat terhadap kerajaan dan seterusnya akan memburuk-burukkan lagi keadaan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang cyber cafe yang sekarang mula wujud di beberapa bandar utama di Malaysia sekarang ini. Cyber café mula mengambilalih pusat video yang menjadi masalah remaja amnya dan

pelajar-pelajar sekolah khususnya sedar atau tidak kita semua bahawa ada cyber café yang tidak langsung membuat penapisan terhadap bahan-bahan lucah, yang disiarkan melalui Internet. Dengan hanya sekeping CD atau cakera padat pengunjung cyber cafe dapat menyalin bahan lucah tersebut untuk disebarkan kepada rakan sebaya mereka yang lain.

Jika perkara ini tidak dikawal atau dicegah lebih awal saya berkeyakinan kemajuan dan perkembangan teknologi maklumat di negara ini lebih banyak membawa keburukan daripada kebaikan khususnya kepada para remaja kita. Dengan sebab itu, saya berharap Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia yang akan ditubuhkan nanti, Kementerian Penerangan ataupun pihak berkuasa tempatan mesti berani bertindak tegas terhadap pengusaha cyber café supaya mematuhi undang-undang komunikasi dan multimedia yang akan diluluskan di Dewan ini nanti. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak banyak hendak ucap kerana kawan-kawan kita yang lain akan berucap sama.

Akhir sekali saya berharap pihak-pihak yang diberi kuasa di bawah undang-undang ini hendaklah juga bertindak tegas terhadap pengusaha-pengusaha cetak rompak software komputer. Kita juga harus memikirkan tentang software yang dihasilkan oleh guru-guru dan para pelajar kita yang selama ini dimonopolikan oleh pihak tertentu dengan mengadakan pertandingan yang hadiahnya tidak setimpal dengan keuntungan yang diperolehi, oleh pihak berkenaan apabila sesuatu program itu dijual di pasaran nanti khususnya ke sekolah-sekolah.

Se kian Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih dan saya menyokong Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia 1998 sekali lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Chet Singh.

**5.18 ptg.**

**Dato' Chet Singh:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberi peluang untuk turut mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang semalam memberi penerangan dengan terang definisi mengenai dasar kerajaan, tujuan, objektif dan implikasi rang undang-undang ini

dengan izin Tuan Yang di-Pertua, yesterday you give us a very clear picture what this law is all about.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita telah mencapai berbagai kemajuan terutamanya dalam bidang elektronik. Kini negara kita telah mengusahakan bidang elektronik supaya mencapai taraf kemajuan, seiring dengan negara-negara yang maju. Walau bagaimanapun, pencapaian kita terhadap terhadap bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang tertakluk oleh syarikat-syarikat asing.

Oleh yang demikian kerajaan telah mencadangkan supaya meningkatkan taraf penghidupan rakyat Malaysia melalui pencapaian teknologi terutamanya di dalam bidang komunikasi dan multimedia. Malaysia telah bersedia untuk menerima cabaran supaya meningkatkan industri komunikasi dan multimedia kepada taraf yang dilaksanakan di negara-negara yang maju.

Cabaran ini ialah membabitkan tumpuan perhatian terhadap akta-akta berkenaan untuk mengawal bidang multimedia dan komunikasi, dalam pada itu timbullah Akta Komunikasi dan Multimedia sebagaimana dibincang sekarang di dalam Dewan Negara.

Malaysia telah menerokai bidang komunikasi dan multimedia supaya dapat membekalkan berbagai kemudahan kepada syarikat-syarikat komunikasi dan multimedia yang mengamalkan sistem telefon bimbit digital, sistem satelit, sistem microwave dan sebagainya. Yang penting sekali adalah pengumuman negara kita sebagai pembekal Multimedia Super Corridor yang pertama di rantau Asia dan juga dunia.

Ini akan membolehkan Malaysia mengendalikan perniagaan elektronik, smart school, kerajaan elektronik dan sebagainya. Dalam pada itu Akta Komunikasi dan Multimedia merupakan alat kerajaan yang dapat membentuk syarat-syarat industri komunikasi dan multimedia, supaya mengawal perkembangan industri tersebut. Selain daripada negara maju di Barat, Malaysia merupakan negara tunggal yang mengisytiharkan perlaksanaan Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia supaya dapat memastikan bahawa semua jenis barang pengeluaran komunikasi dan multimedia adalah sah dan bermutu tinggi.



Dalam pada itu Malaysia telah mencapai matlamat sebagai negara yang pertama untuk mengendalikan Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia. Pencapaian ini membolehkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia pada taraf yang lebih baik dan dapat dihasilkan. Akan tetapi untuk menyokong pencapaian ini rakyat Malaysia terdahulunya patut meningkatkan kefahaman mereka terhadap perkara-perkara berkaitan bidang komunikasi dan multimedia.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kemunculan teknologi multimedia dan Internet corak kehidupan orang ramai dan cara mengendalikan urusan bagi badan organisasi sememangnya tidaklah sama seperti dahulu. Hari ini kita tidak semata-mata bergantung kepada surat khabar, radio dan televisyen sahaja untuk mendapatkan berita, antara dokumen ke destinasi dalam atau luar negeri, tidak terkongkong kepada perkhidmatan courier, faxes dan pos biasa. Pos elektronik atau E-mail dan komunikasi suara atau voice mail melalui Internet merupakan satu cara komunikasi yang lebih berkesan, lebih unggul dan lebih murah. Kita tidak payah lagi naik kapal terbang untuk menghadiri mesyuarat dengan pihak lain sebab teknologi video conferencing telah begitu maju dan berkesan. Kesimpulannya adalah kemajuan teknologi multimedia dan komunikasi telah dapat menggabungkan atau coverage beberapa teknologi iaitu audio, video, automasi pejabat, komunikasi, telefonis, media massa, pengiklanan, penerbitan, desktop publishing dan juga pendidikan ke dalam satu teknologi am yang mana kita kenali sebagai teknologi maklumat atau information technology. Di dalam alam sekitar yang baru ini memang terdapat peluang-peluang baru untuk kita menceburi diri, tetapi kemunculan dan pembangun IT juga mengancam cara-cara tradisi mengendalikan perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua sebagaimana kita ketahui untuk pengabungan atau pencantuman teknologi multimedia dan komunikasi telah meningkatkan kualiti hidup penduduk dan juga membawa peningkatan keberkesanan operasi organisasi. Teknologi baru ini menyokong model-model pengurusan baru seperti pengajian jarak jauh (distant learning), reka bentuk produk antarabangsa (multinational product design) dan telekomunikasi. Adalah tidak mudah untuk menganggarkan nilai manfaat teknologi baru ini. Namun demikian teknologi baru ini dijangka

memberi manfaat jangka panjang dan terus memberi kesan positif terhadap aspek-aspek utama dalam prestasi perniagaan seperti mengurangkan masa untuk memasarkan produk, perkhidmatan sokongan kepada pelanggan yang lebih baik dan lebih murah pengurangan pusingan latihan jualan dan juga perluasan kawasan pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia ini dapat distrukturkan dengan objektif membawa Malaysia ke tahap yang sama dengan pemain-pemain antarabangsa. Untuk membuat demikian kita memerlukan:

- (i) pasaran;
- (ii) keupayaan untuk mereka cipta dan membina;
- (iii) keupayaan untuk mengintegrasikan rekaan ciptaan kita dan menjadi sistem-sistem; dan
- (iv) keupayaan untuk mencipta aplikasi dan yang penting sekali tenaga manusia yang pakar dan mahir.

Selain dari itu saya berpendapat rang undang-undang ini harus disokong dengan beberapa aksi dan tindakan. Misalnya, penubuhan atau pembelian beberapa syarikat dalam satu usaha strategik dan menyeluruh supaya memulakan secara merujuk aspek kandungan tempatan di dalam industri ini. Kita memerlukan satu pelan yang dapat memastikan kita boleh bersaing dalam pasaran global, tetapi dalam masa yang sama tidak akan menakutkan pesaing-pesaing dalam pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian saya ingin mencadangkan bahawa pertama, kerajaan mestilah mengambil tindakan keras untuk menggalak syarikat-syarikat teknologi diwujudkan dengan perkongsian pintar (smart partnership) dengan multinational corporation. Tujuan utama haruslah demi untuk pemindahan teknologi. MMC diberi pasaran tempatan, tetapi pada masa yang sama teknologi dan pengetahuan diperolehi oleh pekerja tempatan sehingga kepentingan di mana produk-produk teknologi tinggi dapat dicipta oleh orang kita sendiri. Ini merupakan senario 'win-win' bagi kita untuk membangunkan keupayaan kita.

Tetapi sedikit perlindungan haruslah diberi kepada syarikat tempatan supaya mereka dapat membuktikan keupayaan bersaing mereka.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi tindakan yang kita patut ambil adalah menggalakkan pakar-pakar teknologi pulang ke negara kita sendiri. Salah satu langkah yang boleh diambil adalah untuk membeli atau memperolehi syarikat-syarikat teknologi supaya rakyat Malaysia menguasai syarikat tersebut.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, satu program strategik haruslah diwujudkan, untuk mewujudkan permulaan di dalam industri teknologi ini. Model yang kita boleh kaji ialah model yang telah pun dilaksanakan di Taiwan dengan jayanya.

Tuan Yang di Pertua, saya akan mengakhiri ucapan saya dengan bersetuju atas cadangan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa kita mesti bersedia untuk menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan sektor-sektor komunikasi dan multimedia sebagai pemangkin kepada pembangunan ekonomi negara. Terima Kasih.

**Timbalan Yang di Pertua:** Yang Berhormat Dato' Abdul Majid

**5.31 ptg.**

**Dato' Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Tuan Yang di Pertua saya mengucapkan terima kasih untuk diberi peluang untuk saya turut serta dalam membahaskan Rang Undang-Undang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia 1998. Saya mengucapkan terima kasih juga kepada Timbalan Menteri Telekom dan Pos semalam yang telah pun memberikan taklimat dan penerangan berhubung dengan undang-undang yang telah pun diucapkan semalam. Kita mengucapkan terima kasih dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed atas usaha dan pandangan jauh beliau terhadap mewujudkan cadangan tersebut dengan membuat undang-undang Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia, negara pertama mengadakan Akta tersebut yang mana difahamkan oleh Timbalan Menteri semalam.

Kita tahu bahawa sekarang ini zaman dunia yang canggih, keadaan yang canggih, masyarakat yang bermaklumat, yang kita difahamkan dunia tidak ada batasan atau sempadan. Kecanggihan ini memang terbukti dan jelas kepada kita,

yang mana contohnya apa sahaja berita dan percakapan pemimpin kita mudah diambil oleh negara-negara lain, pemberita-pemberita luar negeri dengan secepat mungkin. Ini juga akan menimbulkan keraguan pada masa akan datang. Jadi, bagaimana keadaan pengawalan yang akan dilakukan oleh pihak kementerian, kerana sepatutnya ada perkara-perkara yang patut dirahsiakan, ada perkara-perkara yang tidak boleh didedahkan, hal-hal negara dan sebagainya. Jadi saya harap supaya kementerian mengambil berat, mengambil perhatian pandangan tersebut, supaya pengawasan berhubung dengan berita-berita yang telah pun diambil melalui Internet tidak mudah disiarkan ke seluruh dunia. Ada baiknya, ada tidak baiknya kepada kita semua.

Tuan Yang di Pertua, saya telah membaca sedikit sebanyak Undang-Undang Suruhanjaya Multimedia ini saya dapati adalah tersusun dan terancang dengan begitu baik sekali dan rapi. Sebagaimana yang kita ketahui bahawa ini amat penting dalam negara kita, mahu tidak mahu kita menerima segala rancangan yang dirancang oleh kerajaan kita, kerana di zaman kemajuan tidak boleh dihalang lagi. Kita pada dasarnya menyokong apa sahaja yang telah dirancang yang difikirkan memberikan kebaikan, manfaat di masa-masa yang akan datang. Tetapi kita jangan lupa bahawa persaingan yang begitu hebat sekali dengan negara-negara lain yang canggih, yang boleh mengakibatkan berbagai-bagai masalah dalam negara kita. Dan kita jangan mudah terpengaruh dengan keadaan luar sahaja, kita dengan cara budaya dan bibit-bibit kita sendiri.

Saya teringat semalam Timbalan Menteri menyebut bahawa rancangan ini juga menuju ke arah masyarakat Madani. Masyarakat Madani ini adalah masyarakat Madinah yang ada kaitan dengan agama Islam, yang ada kaitan dengan unsur-unsur keagamaan manusia yang boleh memelihara dan mengawasi keadaan tabii dan juga akhlak manusia. Kalau itulah tujuan ataupun haluan, kita ucapkan terima kasih atas tujuan dan maksud yang telah dibentangkan oleh Timbalan Menteri semalam.

Kita berharap rancangan ini akan dapat memperseimbangkan yang sihat kepada semua golongan dan kepada semua peringkat masyarakat seterusnya yang

boleh mendapatkan manfaat kepada semua pihak sama ada di dalam bandar dan di luar bandar keseluruhannya.

Tuan Yang di Pertua, mengikut cakap-cakap IT atau MSC ini adalah dunia yang tidak bertepi, tidak ada bersempadan. Jadi dengan mudah sahaja benda ini akan meluas kepada semua pihak. Saya hendak tahu bagaimana pengawalan tadi pun saya sudah sebut supaya perkara-perkara ini tidak akan menjadi masalah kepada generasi yang akan datang. Banyak diperkatakan, dan bukan sahaja diperkatakan. Kalau kita lihat sekarang ini pun dalam televisyen ada perkara-perkara rasanya bercanggah kita punya budaya sendiri, boleh mempengaruhi muda-mudi kita, keadaan yang lucu ditayangkan, ada juga yang mengatakan bahawa dalam IT ini perkara-perkara yang buruk boleh dilihat oleh generasi kita dengan mudah sahaja. Ini tentulah tertakluk kepada pengawalan bagaimana lesen-lesen yang akan diberi kepada mereka yang hendakkan lesen. Semalam disebut ada dua cara, satu kepada individu. Kita hendak tahu kategori bagaimana pemilihan yang diberi kepada individu itu untuk melakukan bibit kuasa yang kita beri lesen kepada mereka, mungkin disalahgunakan, mungkin diselewengkan, begitu juga akan diberi kepada badan-badan dan kumpulan. In juga hendak diawasi supaya kata orang kita beringat sebelum kena, ingat sebelum habis, jimat sebelum habis, ingat sebelum kena. Jadi, itu juga hendaklah kita ambil kira.

Satu perkara lagi ialah penyiapan kita kepada masyarakat sama ada di bandar dan di luar bandar. Rata-rata kita tahu rakyat kita dahulu buta huruf, tak tahu membaca. Pernah Menteri Pembangunan Luar Bandar mengadakan kelas dewasa ditujukan kepada orang-orang dewasa, sekarang ini mungkin boleh jadi dan memang ada. Kebanyakan rakyat kita masih lagi buta komputer, saya sendiri minta maaf, saya cuma tahu sikit-sikit, anak saya lebih bijak menggunakan komputer daripada saya. Tadi, juga disebut oleh rakan-rakan saya.

Jadi, bukan sahaja kita hendak membahagikan, hendak menggalakkan kepada rakyat di kampung-kampung, setiap rumah mesti ada komputer, bukan sahaja sekolah mesti ada komputer, bukan setiap jabatan mesti ada komputer, bukan sahaja swasta yang mesti ada komputer, bagaimana kita hendak

menyampaikan komputer, itu satu masalah tetapi bagaimana kita hendak memberikan pengetahuan, ilmu kepada rakyat supaya mengetahui komputer, sebab semua perkara esok sebagaimana kita katakan tadi, tidak perlu pergi ke luar negeri berbelanja dengan banyak, menggunakan komputer, dan melalui telefon, kita dapat maklumat dengan mudah. Apa sahaja barang yang hendak dibeli ada dalam komputer.

Inilah satu kecanggihan dunia sekarang yang kita tidak terfikir, diberi oleh Allah S.W.T. kepada hambanya sebagai khalifah di dunia, keadaan itu sudah pun timbul sekarang. Jadi, bagaimana keadaan ini juga kita hendak fikirkan. Esok kalau kita katakan usaha ini, lapangan ini, bidang IT, Multimedia Super Corridor ini kita lancarkan, tetapi kita tidak mahu ada perbezaan. Tetapi sahabat saya mengatakan kalau ada rancangan, pameran komputer, perbezaan golongan kaum yang hadir sungguh jauh beza. Orang Melayu kurang, orang India kurang, kaum lain yang lebih. Kita hendak seia-sekata, perpaduan.

Jadi, maksud saya supaya penekanan kita beri bagaimana cara ataupun kita hendak mencari idea ataupun formula melibatkan semua rakyat. Kecuali yang sudah tua sangat mungkin mata tidak nampak. Tetapi dahulu kita tahu orang buta tidak boleh main komputer, orang buta tidak boleh jadi pegawai, tidak boleh masuk universiti, sekarang semua boleh. Itu kecanggihan keadaan, zaman beredar.

Jadi, maksud bagaimana bagi pihak kementerian mencari jalan supaya semua pihak mengetahui dan boleh menggunakan komputer, mengikuti IT, tidak ada keraguan lagi, bukan sahaja di dalam bandar, bukan sahaja orang yang bijak pandai, bukan sahaja generasi yang muda, tetapi orang dewasa sendiri supaya galakan ini, penyampaian ini kepada semua masyarakat sehingga ke akar umbi. Kita tahu bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri melancarkan penerangan ini, sudah banyak kali memberikan taklimat melalui TV, radio, kumpulan, bercakap antara negeri ke negeri yang kita lihat bersama. Tetapi saya rasa belum lagi cukup, supaya dapat diperluaskan lagi keadaan tersebut.

Dalam soal-jawab semasa persidangan tadi disebut juga bahawa Giat MARA akan mengambil kira supaya IT ini juga akan mengadakan satu ruang bukan sahaja memberikan pelajaran dari segi teknik, dari segi hal-hal membaiki motor,

memotong baju, membuat perabot dan sebagainya. Tetapi ini penting sesuai dengan keadaan. Saya mengalu-alukan langkah MARA menjalankan ini. Bukan sahaja MARA, apa sahaja badan patutlah IT ini dimasukkan dalam kurikulum pelajaran yang ditentukan sama ada Giat MARA dan kelas-kelas di mana sahaja supaya meluas kefahaman rakyat pada masa yang akan datang. Kita mengalu-alukan langkah kalau benarlah MARA ada cita-cita menjadikan IT ini sebagai salah satu daripada ruang yang akan diperluaskan.

Jadi, saya tidak bermaksud bercakap banyak dan saya memberi peluang juga kepada kawan-kawan dan telah pun kita dengar banyak pandangan yang telah diberi oleh rakan-rakan sebelum ini. Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong atas rang undang-undang tersebut. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail.

**5.45 ptg.**

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mungkin mengambil bahagian perbahasan yang akhir sekali di atas rang undang-undang ini. Saya juga turut menyokong Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Tuan Yang di-Pertua, information technology ataupun teknologi maklumat adalah satu bidang yang kita tidak boleh menghalang ia daripada datang. Mahu tidak mahu sebagai sebuah negara yang ingin maju terpaksa hidup dalam arena persaingan, kita perlu menerima hakikat itu. Apa yang perlu kita lihat ialah secara positif, bukan secara negatif. Saya yakin penuh sebagai manusia lebih-lebih lagi yang beragama Islam kalau kita menerima sesuatu ciptaan manusia yang dengan keredhaan Allah, dengan cara baik dan kita memmanfaatnya secara yang baik, insya-Allah benda itu akan menjadi baik. Tetapi kita tidak boleh elak daripada manusia yang berniat tidak baik menggunakan kesempatan kemajuan teknologi untuk tujuan buruk, untuk kepentingan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah ini sudah tertentu kerajaan memerlukan satu mekanisme. Bagi saya Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 ini adalah merupakan suatu mekanisme untuk membendung, menjaga, melihat,

memelihara perkara yang saya rasa boleh memusnahkan kehidupan kita di negara kita ini. Seperti yang kita sedia maklum, peruntukan ini ialah peruntukan baru yang lebih baik untuk mengawal selia industri komunikasi dan multimedia yang menjurus ke arah percantuman. Ianya meliputi media elektronik tetapi tidak termasuk media cetak dan termasuklah aktiviti-aktiviti dan perkhidmatan yang dikawal selia seperti penyiaran dan telekomunikasi.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat sekarang ini perkembangan teknologi multimedia sudah menjadi perkara yang amat penting di dalam segala bidang, lebih-lebih lagi di dalam sistem pendidikan pada masa ini. Dato' Seri Dr. Mahathir seperti yang disebut oleh rakan saya tadi telah memberi taklimat khusus mengenai multimedia, dan begitu juga pihak kerajaan. Kita tahu dunia yang maju termasuk Amerika Syarikat, termasuk jiran kita Singapura sekarang ini mereka sudah sedar betapa Malaysia memberi perhatian yang utama dalam bidang pembangunan information technology (IT).

Oleh sebab itu, seperti yang saya sebut tadi peranan kerajaan selain daripada mengadakan akta ini yang akan diikuti dengan suatu akta lagi, iaitu Rang Undang-undang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia yang berikutnya hendaklah memberi penjelasan yang secukupnya, terutama sekali kepada masyarakat di luar bandar. Kita percaya pelajar-pelajar yang belajar di sekolah-sekolah sekarang ini baik di sekolah rendah mahupun di institusi pengajian tinggi sudah tentu lebih berpeluang untuk mendapat maklumat yang lebih jelas mengenai multimedia ini, tetapi masyarakat biasa terutama di luar bandar sudah tentu masih tidak memahami berkenaan dengan kepentingan multimedia itu sendiri.

Oleh sebab itu, menjadi tanggungjawab pihak kerajaan supaya cuba memberi kefahaman kepada rakyat biasa supaya mereka ini juga mendapat manfaat dan dalam masa itu dapat mengawal anak-anak mereka daripada dipengaruhi oleh kemudahan melalui multimedia ini dalam segi-segi yang boleh merosakkan akhlak dan sosial mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya penuh yakin bahawa kerajaan memang peka dalam masalah ini di mana sekarang ini pihak-pihak yang mempunyai niat jahat yang pernah melakukan kesalahan jenayah lebih bijak daripada pihak-pihak yang



menggunakan multimedia itu dalam bidang-bidang untuk menipu kerajaan sendiri dan menipu pihak-pihak bank. Misalnya sekarang ini kita didapati banyak kes walaupun kerajaan cuba menjadikan kerajaan kita kerajaan elektronik dan kita cuba menggunakan smart card dalam segala bidang, tetapi pihak-pihak yang berniat jahat, yang terlibat dalam jenayah ini lebih pandai daripada kita. Ini masalahnya.

Saya percaya penuh kalau kerajaan berjaya meluluskan berbagai-bagai akta, tetapi kita tidak mempunyai cukup pegawai yang mahir, yang betul-betul memahami bidang-bidang yang kita luluskan itu, sudah tentu ini akan menjadi sia-sia. Oleh sebab itu, menjadi tanggungjawab kerajaan memberi latihan yang secukupnya dan mempunyai kakitangan yang mampu, yang boleh menguatkuasakan undang-undang yang kita luluskan ini bagi menjamin supaya kawalan yang dikehendaki itu dapat dijalankan dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengingatkan pihak kerajaan supaya di dalam melaksanakan Akta Komunikasi dan Multimedia ini untuk mengadakan suatu pasukan khas, suatu tenaga khas yang ditubuhkan di bawah akta ini supaya mereka ini yang tidak akan terdiri daripada pihak polis, pelbagai pihak di dalam pelbagai agensi kerajaan yang akan merangkumi pegawai-pegawai penguatkuasa dari segi pengeluaran lesen, penyiasatan perkara-perkara yang berkaitan dengan kesalahan di bawah penyiaran penggunaan multimedia ini supaya apabila timbul masalah berkaitan dengan teknologi maklumat yang kita nampak sekarang ini memang cukup banyak sekali dapat kita cari jalan mengawal dan kalau boleh membanteras kesalahan-kesalahan yang boleh menjejaskan perntadbiran kerajaan.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya penuh sahabat-sahabat saya yang terdahulu terutama Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah tadi telah mengeluarkan banyak fakta yang menyokong ke arah mengadakan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 ini dan oleh sebab itu saya akhirnya menyokong Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia 1998. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian menjawab.

**5.51 ptg.**

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong**

**Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ucapkan terima kasih kepada seramai 10 orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan selama dua hari yang lepas dan di atas segala cadangan dan ucapan tahniah dan sokongan yang telah diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa perkara telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya ingin memberi ulasan dan penjelasan mengenai perkara atau isu yang telah dibangkitkan itu. Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ibrahim bin Ali dan Senator Dato' Ghazi telah membangkitkan antara lain mengenai pentingnya aspek perlindungan pengguna dari aspek pembekal perkhidmatan dengan pengguna diberi perkhidmatan oleh kerajaan. Untuk makluman Yang Berhormat, rang undang-undang memberikan penekanan khusus kepada aspek perlindungan pengguna dan soal-soal berkaitan dengan perlindungan pengguna adalah dinyatakan dengan tegas di bawah seksyen 187 hingga 191. Ianya meliputi beberapa perkara termasuk kualiti perkhidmatan, keselamatan rangkaian serta juga kawalan harga di bawah seksyen 197.

Seksyen 188 hingga 190 misalnya, memperuntukkan berkenaan bagaimana seseorang pengendali perkhidmatan rangkaian atau aplikasi untuk berurusan dengan cara yang berpatutan serta melayan pengguna dengan cara yang memadai. Adalah menjadi satu kesalahan kepada mana-mana pengendali yang tidak berurusan dengan pengguna secara baik dan memadai. Selain daripada itu, satu forum pengguna juga akan diwujudkan yang akan bertanggungjawab antara lainnya untuk mewujudkan kod pengguna seperti:

- (i) cara untuk memenuhi kehendak pengguna secara munasabah;
- (ii) pengendalian aduan dan pertikaian pengguna; serta
- (iii) perlindungan maklumat pengguna.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ibrahim bin Ali telah juga membangkitkan mengenai aspek-aspek keselamatan dan kebolehpercayaan rangkaian atau reliability of networks, dengan izin. Di bawah rang undang-undang ini terdapat peruntukan tertentu untuk menjamin keselamatan rangkaian. Ini adalah penting untuk menjamin keselamatan maklumat yang dipancar, diterima, disimpan

atau retrieved, dengan izin. Peruntukan ini terdapat dalam seksyen-seksyen 182, 183, 184 dan seksyen 185.

Di samping itu, di bawah seksyen 267 terdapat peruntukan khas yang memerlukan pembekal-pembekal rangkaian komputer supaya mengadakan rancangan kecemasan khas yang dipanggil Disaster Recovery Plan, dengan izin. Rangkaian ini penting untuk meningkatkan keyakinan pengguna terhadap komputer berangkaan.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu isu penting yang lain yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Ghazi ialah mengenai keselamatan negara seperti penggunaan perisian komputer tertentu untuk mendapatkan maklumat-maklumat kerajaan tertentu. Untuk makluman Yang Berhormat, seksyen 234 dalam rang undang-undang ini memperuntukkan bahawa sebarang bentuk permintaan komunikasi adalah dilarang kecuali dalam dua keadaan iaitu:

- (i) diberi kuasa di bawah undang-undang ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain atau oleh pendakwa raya bagi sesuatu penyiasatan jenayah;
- (ii) oleh pegawai kerja atau mana-mana ejen pemberi kemudahan atau perkhidmatan.

Selain daripada itu Akta Jenayah Komputer 1997 juga boleh memenuhi kehendak bagi perlindungan sedemikian. Saya juga suka menarik perhatian Yang Berhormat bahawa walau apa pun peruntukan undang-undang ini, ia tidak akan menjejaskan pemakaian undang-undang yang sedia ada mengenai keselamatan negara. Undang-undang berkenaan akan terus terpakai dan berkuatkuasa. Maka keterangan ini saya harap dapat juga menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah.

Yang Berhormat Senator Puan Kamalia Ibrahim telah menyentuh mengenai kuasa Menteri yang luas melalui rang undang-undang ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, berhubung dengan bidang kuasa Menteri yang dibangkitkan, saya suka menyatakan bahawa kuasa tersebut adalah meliputi aspek-aspek tertentu seperti pengeluaran lesen, penentuan spektrum dan insentif, tribunal, rayuan serta arahan kepada Suruhanjaya. Peruntukan-peruntukan ini adalah penting memandangkan salah satu prinsip panduan yang diambil kira dalam penyediaan

akta ini adalah penekanan kepada proses. Prinsip ini penting untuk membolehkan kelunturan atau flexibility, dengan izin, diberikan dalam melaksanakan akta ini kerana sektor ini adalah sentiasa berubah mengikut kemajuan teknologi. Oleh itu penggunaan instrument-instrument pengawalseliaan adalah lebih praktikal untuk membolehkan akta ini tahan lebih lama atau tidak time sensitive, dengan izin.

Di samping itu peruntukan seksyen 121 rang undang-undang ini juga menyatakan dengan jelas bahawa mana-mana orang yang terjejas dengan sesuatu keputusan Menteri boleh memohon kepada mahkamah untuk kajian semula kehakiman dengan syarat seseorang itu telah menghabiskan segala remedy line yang diperuntukkan di bawah rang undang-undang ini.

Yang Berhormat Senator Puan Kamalia Ibrahim, Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman dan Puan Hajah Mastika Junaidah telah membangkitkan mengenai isu kesediaan kerajaan untuk menghadapi masalah-masalah Y2K. Saya suka memaklumkan bahawa kementerian memang mengambil berat tentang perkara ini dan sedang berusaha untuk mengenal pasti dan melaksanakan langkah-langkah tertentu bagi menangani masalah ini. Di antara langkah-langkah yang telah dan sedang dijalankan ialah seperti berikut:

(i) program kesedaran secara besar-besaran dan meluas bagi memastikan syarikat-syarikat swasta memberi keutamaan kepada usaha-usaha Y2K compliance dan dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini saranan daripada kementerian ini telah pun disambut dengan begitu baik sekali oleh pihak-pihak swasta. Program kesedaran dan publisiti seperti persidangan akhbar, mengadakan pameran dan seminar di seluruh negara serta mengendalikan rancangan-rancangan melalui media massa, baik media massa cetak mahupun elektronik telah dan sedang diusahakan;

- (ii) perlantikan pihak bertanggungjawab Y2K dari kalangan agensi-agensi pengawalseliaan untuk memastikan pelaksanaan ke arah Y2K compliance oleh organisasi-organisasi di bawah kawalan masing-masing;
- (iii) pendaftaran syarikat yang mengesahkan status Y2K compliance;
- (iv) pemantauan status kesedaran dan tindakan yang diambil oleh syarikat-syarikat ke arah Y2K compliance dan seterusnya melaporkan kepada kerajaan secara berkala; dan
- (v) penyediaan laman web Y2K yang diwujudkan dan dikendalikan sebagai pusat maklumat interactive.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat juga telah memberi sokongan kepada keputusan kerajaan untuk terus memberi keutamaan kepada usaha-usaha pembangunan IT negara, khususnya pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Sebagai antara sektor yang penting dari segi pemulihan ekonomi negara, saya mengucapkan terima kasih di atas sokongan padu yang telah diberikan kepada keputusan tersebut. Saya juga suka memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa di antara kriteria yang penting untuk mengukur kejayaan projek MSC adalah penglibatan syarikat-syarikat IT dan multimedia di dalam dan luar negeri. Setakat ini pihak Perbadanan Pembangunan Multimedia (MTC) yang ditugaskan untuk membangunkan MSC telah menerima sejumlah 235 permohonan untuk mendapatkan status MSC. Daripada jumlah permohonan ini 160 telah pun diluluskan, 10 telah ditolak dan 65 masih di dalam pertimbangan. Dari jumlah 160 syarikat yang telah diluluskan, 66 syarikat ataupun 41% adalah yang dimiliki sepenuhnya oleh warga Malaysia. Pencapaian ini membuktikan bahawa projek MSC telah mendapat sambutan yang baik dan syarikat-syarikat tempatan tidak ketinggalan.

Berhubung dengan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan MSC yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya tentang betapa pentingnya pembangunan bidang perisian ataupun software development. Sokongan untuk syarikat Industri Kecil dan Sederhana, modal teroka (venture capital) dan geran penyelidikan dan pembangunan (R&D), sukacita saya menjelaskan bahawa:-

- (i) sebanyak 41% daripada syarikat-syarikat yang mendapat status MSC adalah terlibat dalam bidang perisian (software development);
- (ii) sebuah unit khas telah pun ditubuhkan untuk memperkembangkan dan memupuk syarikat IKS tempatan, unit tersebut adalah dinamakan MTCSS (Advisory and Consulting Center for Enterprises) dengan izin. Unit ini menyediakan khidmat rundingan dan sokongan khusus kepada syarikat tempatan yang berminat untuk menyertai dan berkembang di dalam MSC;
- (iii) sehingga ini sejumlah enam syarikat modal teroka telah dikenal pasti dan hubungan kerjasama diwujudkan untuk syarikat tersebut memberi modal teroka kepada syarikat-syarikat MSC yang layak dan memerlukan. Masalah yang dihadapi ialah syarikat-syarikat yang baru ditubuhkan masih menghadapi kesukaran untuk mendapat modal teroka. Untuk mengatasi masalah ini, cadangan-cadangan lain sedang dikaji berdasarkan kepada modal yang telah berjaya dipraktikkan di negara lain, contohnya seperti di Sweden; dan
- (iv) setakat ini lima permohonan telah diterima untuk geran R&D. Satu daripadanya telah diluluskan Skim Geran R&D ini baru dilancarkan dan oleh yang demikian perlu dipasarkan dengan lebih meluas lagi. Dalam hubungan ini sebanyak 75 syarikat berstatus MSC yang layak untuk memohon telah dikenal pasti dan akan membantu dan menggalakkan syarikat-syarikat tersebut untuk permohonan geran berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat juga telah membangkitkan berhubung dengan usaha-usaha kerajaan untuk meningkatkan penggunaan IT, kesedaran IT dan kadar celik

komputer. Antara usaha-usaha yang sedang pesat dijalankan termasuklah meningkatkan latihan kemahiran melalui pewujudan Universiti Multimedia dan Universiti Telekom. Kedua-dua universiti tersebut dijangka akan memainkan peranan sebagai pemangkin penting dalam meningkatkan kemahiran dalam bidang IT.

Di samping itu terdapat berbagai latihan yang dijalankan oleh sektor swasta untuk meningkatkan kemahiran pengguna dalam bidang IT. Selain daripada itu pihak kerajaan melalui Kementerian Pendidikan juga akan melancarkan program smart school secara percubaan pada tahun hadapan dan juga setakat ini mata pelajaran Sains Komputer telah pun diajar di semua sekolah menengah. Selain daripada itu berbagai-bagai program pendedahan juga dilaksanakan di seluruh negara melalui bermacam-macam media.

Saya juga hendak mengambil kesempatan di sini mengucapkan tahniah kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil inisiatif untuk membantu kerajaan dalam perkara ini iaitu mempertingkatkan kesedaran IT di kalangan rakyat Malaysia khususnya mereka yang tinggal di luar bandar. Dalam perkara ini saya mengambil kesempatan di sini mengucapkan tahniah khusus kepada Yang Berhormat Datuk Ibrahim Ali yang telah begitu berjaya untuk menganjurkan EMTEK di Pasir Mas pada awal tahun ini. Kita tidak seharusnya bergantung kepada pihak kerajaan sahaja dalam memainkan peranan untuk meningkatkan kesedaran IT di kalangan rakyat Malaysia. Saya haraplah semua lapisan masyarakat Malaysia khususnya pemimpin-pemimpin masyarakat termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini dapat tampil ke hadapan untuk membantu kerajaan supaya kita semua berpakat menjalankan kempen yang berkesan untuk meningkatkan kesedaran IT di antara rakyat.

Saya hendak memberikan satu contoh lagi iaitu contoh saya sendiri. Saya dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa IT di dalam Parti MCA. Ini saya hendak menerangkan macam mana pihak NGO boleh memainkan peranan yang penting dalam perkara ini. Apabila saya telah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa ini, saya telah menganjurkan beberapa kempen, antaranya ialah satu kempen yang telah pun disuarakan oleh sahabat lama saya iaitu Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz iaitu mengutip komputer lama yang tidak lagi dipakai oleh syarikat-syarikat korporat, sama ada model 286, 386, 486 tidak kira - bila kita sudah dapat kutip komputer-komputer yang lama ini, bila syarikat-syarikat swasta hendak mempertingkatkan komputernya ke Pentium I, Pentium II dan sebagainya.

Saya berjaya mengutip beratus-ratus unit yang masih baik – ada baru-baru ini saya terima lebih kurang 100 unit, kebanyakannya model 486, ada Pentium I juga dari satu pihak syarikat swasta dan apabila saya dapat komputer ini, saya periksa dan dapatkan syarikat komputer secara sukarela menjalankan pemeriksaan dan lepas itu kita mengagih-agihkan semua komputer ini kepada sekolah-sekolah di luar bandar. Saya telah pun menghantar beratus unit kepada sekolah Melayu, sekolah Cina, sekolah Tamil di seluruh negara. Ini merupakan satu kempen yang amat efektif sekali, maka saya haraplah Ahli Yang Berhormat dapat juga tampil ke hadapan untuk bersama-sama kita menolong membantu pihak kerajaan supaya berusaha untuk meningkatkan kesedaran IT khususnya di kawasan luar bandar ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dari segi kadar celik komputer ataupun digitaly literate, pada tahun 1997 Malaysia berada di tangga ke-33 di dunia dengan bilangan komputer sebanyak 56 bagi setiap 1,000 penduduk dan menjelang tahun 2000 kami harap bahawa kadar ini dijangka mencapai

100 bagi setiap 1,000 penduduk. Dalam usaha untuk meningkatkan penggunaan IT berangkaian pula, usaha-usaha akan dijalankan untuk meningkatkan kadar capaian telefon melalui pelaksanaan rancangan obligasi sosial (Universal Service Obligation) di mana dalam rang undang-undang ini kita akan memberikan penekanan bahawa semua pengusaha akan memainkan peranan supaya memberikan derma yang diwajibkan supaya dapat mewujudkan satu dana Universal Service Obligation (USO) ini. Ini akan dapat meningkatkan kadar penembusan telefon dari 20 hingga 50 bagi setiap 100 penduduk menjelang tahun 2020 iaitu setaraf dengan negara-negara maju.

Sehubungan dengan itu kadar penembusan telefon di luar bandar juga dijangka akan meningkat dari 9.5 kepada 25 bagi setiap 100 penduduk bagi tahun 2020. Saya sangat tertarik hati kepada beberapa contoh yang disuarakan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Mastika tentang beberapa success story. Ia memberikan contoh Amazon.com, search engine 'Yahoo', Gary Young dan American On line (AOL). Memang dengan tibanya zaman IT ini banyak aktiviti khususnya aktiviti perdagangan boleh dilakukan melalui Internet dan ini adalah dikenali sebagai E.Commerce dan di dalam Malaysia potensi E.Commerce memang besar. Dalam tahun yang lepas 1997 jumlah perdagangan yang dilakukan melalui Internet cuma RM16 juta dan dalam tahun ini ia dianggarkan akan meningkat kepada RM80 juta dan bila tiba masanya tahun 2000 jumlah perdagangan yang dilakukan melalui Internet dianggarkan akan meningkat kepada RM2 bilion.

Memang banyak peluang dan potensi akan ditawarkan oleh bidang E.Commerce kepada semua golongan peniaga di Malaysia. Oleh kerana ini kita harus juga memainkan peranan untuk mempertingkatkan juga kesedaran golongan peniaga, macam mana melalui IT ini mereka boleh mendapat manfaat yang begitu banyak dan saya sendiri juga melalui inisiatif parti dan kementerian saya sedang mengadakan satu siri road-show di seluruh negara. Pagi esok saya akan pergi ke negeri Kelantan untuk mengadakan seminar untuk menunjukkan kepada para peniaga apakah E.Commerce dan bagaimana ia dilaksanakan dan sebagainya, saya akan mengadakan siri road-show di seluruh negara dan saya harap jugalah Ahli Yang Berhormat dapat memberi sokongan kepada aktiviti-aktiviti seumpama ini.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada pihak kementerian kerana mengambil Kelantan sebagai pendedahan mencelik IT.

**Dato' Chan Kong Choy:** Terima kasih, bukan Kelantan sahaja, kita memang menganjurkan program ini di seluruh negara termasuk Kelantan. Sungguhpun Kelantan diperintah oleh parti pembangkang tetapi kita rakyat Malaysia kita memberikan kepentingan kepada semua, tidak kira dari negeri mana.

Yang Berhormat Puan Hajah Mastika juga menyentuh tentang Internet susah hendak access. Saya hendak memberitahu Dewan yang mulia ini.....

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Saya minta laluan, sebenarnya bukan susah, saya kata, lambat untuk access, lambat hendak mendapat maklumat, take time.

**Dato' Chan Kong Choy:** Biasanya ia ada peak-hours bagi pengguna Internet memang faham, biasanya antara pukul 9.00 malam hingga pukul 1.00 pagi, ini merupakan peak, memang lambat sangat. Walau bagaimanapun pihak kerajaan telah pun mengambil perhatian tentang perkara ini dan Internet Service Provider (ISP) setakat ini cuma dua iaitu TMnet dan MIMOS telah pun mengambil langkah-

langkah yang tertentu untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan Internet ini. Misalannya TMnet telah mengadakan beberapa perancangan supaya mempertingkatkan kapasitinya untuk membekalkan perkhidmatan kepada lebih ramai pelanggan. Bila tiba akhir bulan ini, TMnet melalui peningkatan kapasiti komputernya ia boleh meningkatkan pertambahan jumlah pelanggannya sehingga 400,000 pelanggan.

Pada masa yang sama kerajaan telah juga memberikan kelulusan kepada lima lagi ISP supaya mereka dapat memberikan perkhidmatan, kita haraplah mulai tahun depan all the five fixed line operator, dengan izin, telah pun diberikan kelulusan untuk menjadi ISP. Maka dengan langkah-langkah ini kita haraplah perkara ini sedikit sebanyak dapat diselesaikan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini setakat ini kita telah mempunyai sebanyak 350,000 orang pelanggan, pelanggan bukan pengguna. Bagi satu pelanggan biasanya ada tiga hingga lima orang pengguna, seperti dalam keluarga saya, saya, isteri saya dan tiga orang anak saya semua pengguna tetapi satu pelanggan sahaja. Ini bermakna lebih dari satu juta orang telah menjadi pengguna Internet di dalam Malaysia dan setiap hari bilangan ini bertambah dengan 700 orang pelanggan setiap hari, kalau 700 dikali dengan 3, ini bermakna melebihi 2,000 orang menjadi pengguna Internet yang baru. Ini merupakan satu perkembangan yang sangat-sangat menggalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim telah menyentuh tentang beberapa seksyen dalam rang undang-undang ini, oleh kerana kesuntukan masa saya tidak dapat memberikan jawapan satu demi satu cuma satu perkara yang penting iaitu seksyen 3(3) juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Mastika, tidak membenarkan penapisan Internet. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, seksyen 3(3) tidak menyatakan ataupun menghalang penapisan, ia menyatakan bahawa tidak ada apa-apa dalam Akta boleh ditafsirkan sebagai membenarkan penapisan. Oleh itu jika penapisan hendak dibuat, peruntukan undang-undang nyata adalah diperlukan dan tidak boleh melalui cara tidak langsung sahaja seperti melalui syarat lesen. Ini selaras dengan jaminan yang telah diberikan dalam Bill of Guarantees yang telah dikeluarkan bagi MSC oleh pihak kerajaan melalui MDC.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin juga menyentuh tentang penyebaran maklumat palsu, lucah dan seditious. Rang Undang-undang ini mempunyai peruntukan khas untuk menghalang penyebaran sebarang maklumat yang palsu, lucah ataupun menacing, dengan izin, dan mengugut melalui rangkaian komunikasi dan multimedia. Perkara ini adalah termaktub dalam seksyen 233(1)(a). Di bawah seksyen ini boleh didenda sebanyak RM50 ribu. Walau bagaimanapun penyebaran maklumat bukan melalui rangkaian komunikasi dan multimedia adalah tertakluk kepada undang-undang lain yang sedia ada.



Tuan Yang di-Pertua, walaupun banyak perkara yang lain yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya tidak boleh beri jawapan di sini satu demi satu. Walau bagaimanapun semua ini telah diambil catitan dan saya ingin memberi jaminan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa semua perkara yang dibangkitkan akan diberi perhatian dan dikaji sewajarnya di dalam melaksanakan rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

#### **Fasal 1 hingga 282 -**

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Pengerusi, saya tidak hendak pertikaikan banyak dalam bil ini, masa kita pun sangat suntuk. Jadi saya hendak beri pandangan kepada pihak kerajaan iaitu bil ini dengan izin, inparimetaria atau Uttah Act America. Maknanya dia akan serupa dan guna pakailah. Kritik dan teguran dan perbincangan dalam Akta Uttah boleh kita gunakan terhadap bil ini. Itu satu teguran yang selalu diutarakan ialah perbezaan berkenaan dengan tanggungjawab pengguna dan pihak berkuasa pengesahan ataupun pemerakuan ataupun Certification Authority (CAS).

Tanggungjawab munasabah ini ada dengan jelasnya dengan CAS tetapi bagi pihak pengguna dia senyap sahaja, tanggungjawab ataupun the principl of reasonableness bagi pihak pengguna. Jadi pihak pengguna apabila berhadapan dengan masalah ini akan menjadi satu beban dan perbelanjaan yang banyak untuk pergi ke mahkamah. Bagi akta ini iaitu Fasal 89 (1);

“89(1) *Suruhanjaya boleh mengarahkan suatu pihak kepada sesuatu pertikaian.....*”

Kita tahu pada mulanya pertikaian ini mesti diselesaikan di antara dua pihak. Mereka dua selesai dulu. Tidak boleh pergi ke Suruhanjaya. Suatu pertikaian ini, supaya mematuhi keputusan Suruhanjaya dalam petikan itu. Mesti patuh.

Kemudian Fasal 89(2) pula;

*“89(2) Sesuatu keputusan yang dibuat oleh Suruhanjaya di bawah Bab ini boleh dikuatkuasakan oleh Mahkamah Tinggi seolah-olah keputusan itu merupakan suatu penghakiman Mahkamah itu dengan syarat suatu perakuan telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya .....*”

Bermaknanya setakat mana dia pergi ke Suruhanjaya Tinggi, setakat mana dia boleh pergi mahkamah, mahkamah ini untuk menguatkuasa sahaja. Jadi adakah bidang Suruhanjaya ini satu bidang mahkamah untuk membicarakan. Bilakah kita hendak memutuskan berkenaan dengan tanggungjawab munasabah ini. Inilah perkara-perkara yang tidak begitu jelas kepada saya sendiri.

Oleh itu saya memberi peringatan kepada kerajaan untuk mengambil perhatian sedikit apabila kerajaan membuat satu garisan dan tata cara yang baru nanti. Saya tahu bil ini ialah bil baru dan kita pun minta maaf gunakan bil negeri lain macam Crime Digital Act. Kita gunakan Singapura punya akta, kita ikut bukan semua tetapi kita ikut. Ini kita gunakan Uttah Act America. Jadi perkara ini baru hendak berjalan oleh itu masalah-masalah ini timbul.

Saya bangkitkan ini saya tidak hendak pengguna-pengguna nanti - banyak lagi yang saya boleh bawa berkenaan dengan virus misalannya, adakah tanggungjawab munasabah itu pada pengguna jikalau perkara itu berlaku atau dari segi burden of evidential proof, misalnya saya boleh bawa selepas ini tetapi sebab masa kesuntukan saya harap kerajaan akan memerhati dari segi undang-undang lebih sedikit supaya pengguna-pengguna nanti tidak akan dibeban dan teraniaya. Terima kasih.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Pengerusi, saya juga ingin mendapat sedikit penjelasan daripada pihak kerajaan mengenai Fasal 266 Kuasa Khas Semasa Darurat dan Fasal 269 Kerjasama Dengan Pihak Berkuasa Lain.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki kawan lama saya juga, bekas Speaker dan juga seorang peguam yang cukup veteran telah membangkitkan beberapa pandangan dari segi perundangan tentang beberapa perkara dan saya memberikan jaminan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa saranan ini atau cadangan ini akan diambil oleh pihak kerajaan semasa kita membuat peraturan tentang perkara ini.

Dan mengenai Fasal 266, saya minta pihak Peguam Negara kalau sekiranya boleh memberikan penjelasan kepada saya. Memerlukan interpretasi dalam Dewan yang mulia ini. Saya bukan seorang legally train maka saya minta .....

**Tuan Pengerusi:** Saya ingat jam sudah cukup. Kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat sambung interpretasi itu pada hari Isnin.

**Dato' Chan Kong Choy:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Masih dalam Jawatankuasa ya.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Hanya tadi pandangan sahaja. Jadi pihak kerajaan sudah bersetuju tadi untuk hendak menerima pandangan itu dalam garisannya jadi pada saya habislah. Jadi tidak payah refer .....

**Dato' Chan Kong Choy:** Apa yang dikemukakan oleh Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Oh ya.

**Majlis Mesyuarat bersidang semula.**

**Tuan Yang di-Pertua:** Mesyuarat ditangguhkan pada hari Isnin jam 2.30 petang.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*

